Sudah masuk RM10,000 beb, and ada bonus lagi selepas keputusan menang…..maaf, indirectly paid, no receipt issued.

Anyway, result summary:-

Non-Khairy = 486
Wenger J Khairy = 304
Majority to Non-Khairy = 182 (so who really won?)

In reality, I believe all 790 Pemuda UMNO yang kalah!!! Bodoh** punya Pemuda.

**bermaksud arrogant dumb stupid dungu and tidak bijak tapi sombong seperti Nasha Bin Edwin (rupa nya ramai Nasha2 dalam Pemuda KJ)

Berkenaan 6 jam untuk mengira 790 undi, itulah sebabnya mereka reject Digital Counting or Biometric Voting or whatever advance technology developed by our MSC companies....because the computer cannot be bribed to be as corrupt as the 304 Stupido.

Nevertheless, apart from these 304 Nasha Bin Edwins, there's still a glimmer of hope from the rest 486 Pemudas!
By ParpuKariAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:44 PM

TETAPI AYAHANDA TUN SAYA NAK MINTAK TOLONG SIKIT LA, MASUK LA UMNO EKMBALI TUN, SEKURANG-KURANGNYA KITA DAH ADA DS NAJIB DAN TS MUHYIDDIN YASSIN SERTA AHMAD ZAHID, SHAFIE DAN HISHAM...MAKA UMNO BOLEH PULIH DAN KUDIS BENAMA MAT BERUK TU AKAN TERSEMBUH ATAU AKAN TERTANGGAL DENGAN SENDIRINYA...

MARILAH KITA RAPATKAN BARISAN ORANG-ORANG MELAYU KITA...PLEASE TUN JON LA UMNO SEMULA, WE REALLY NEED YOU TUN, KESIAN DS NAJIB...TOLONGLAH DIA TUN...KALAU TAK HANCUR SUSAH KITA NANTI TUN..

DAH LA ADA SEKOR BERUK MAT YEH AL MENANTU YANG CAKAP MENGARUT SELALU...ADUH...

KJ RASUAH! KJ RASUAH! KJ RASUAH!
By ZarirAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:44 PM

Good bye UMNO. You've failed to convince people that you really want to pursuit change when you choose corrupted people as your leaders.

With all respects, you can't buy rakyat like the way you're buying your votes for your position in the party.
By che setAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:46 PM

Salam sejahtera Tun sekeluarga serta semua pendokong perjuangan Che Det.

Allah swt lebih sayangkan Mukhriz,beliau sedang melalui proses kematangan yang bakal menjadikan dirinya hebat di masa hadapan."A Great Leader Waits For His Time", tetapi pemimpin MEE SEGERA yang bernafsu buas mahu naik secara cepat tanpa dihalang.Ketua Pemuda UMNO yang baru adalah "anwar dalam pembikinan".Kemenangannya merupakan satu 'deficit'kepada usaha pembersihan yang dilaung-laungkan oleh UMNO.Walaupun Muhyiddin berjaya dipilih,namun kedukaan menjadi lebih parah dengan kemenangan 'bakal PM termuda ini".Ungkapan yang mengatakan "yang benar itu akan menang akhirnya" tidak sesuai lagi dalam konteks ini.Tidak bolehkah kita bermula dengan kebenaran?Ini bukannya filem Hindi yang mana kebenaran akan menang di akhir cerita yang panjangnya lebih kurang 3 jam,tetapi ini membabitkan masa depan bangsa.Sepertimana kenyataan awal saya di atas,saya dapat menerima kekalahan Mukhriz (sudah diramalkan),tetapi menentang pemilihan 'anuar the 2nd.'Kini sepertimana yang Tun katakan, peluang terakhir terletak di tangan Najib.

Saya berfikiran walaupun Pak Lah tidak lagi menjadi PM, namun Tun jangan cepat-cepat menyertai semula UMNO.Namun saya sentiasa menyokong apa sahaja langkah yang diambil oleh Tun.Kalau Najib cuba disabotajkan dan difitnah dari segenap sudut,saya rasakan Ketua Pemuda ini yang sudah didapati bersalah oleh badan disiplin lebih dari layak lagi disabotajkan.Demi untuk kekuatan bangsa saya ingin melihat tajuk akhbar "Ketua Pemuda UMNO didapati bersalah rasuah".
By herakosAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:46 PM

Salam YBhg Tun,

Saya bukannya ahli UMNO tetapi sedikit sebanyak saya merasakan saya seharusnya menyokong UMNO kerana secara tidak langsung UMNO menjadikan saya seperti apa saya sekarang;

a) mempunyai kerjaya sebagai pengamal undang-undang
b) diberi keistimewaan memasuki IPTA melalui sistem matrikulasi
c) dapat keistimewaan sebagai bumiputra

Saya juga berkongsi pandangan serupa dengan YBhg Tun dan majoriti pemerhati lain mengapa jika seseorang yang telah disahkan pertuduhan di bawah seksyen/peruntukkan yang sama tetapi mendapat hukuman yang berbeda?

Mengikut pemahaman saya yang dangkal dan cetek ini sekiranya pertuduhan yang sama, maka hukumannya juga hendaklah sama analogi mudahnya seksyen 302 Penal Code kita membunuh dengan niat hukumannya gantung sampai mati. Jadi mengapa seksyen 10.1 mempunyai hukuman yang berbeza kerana kedua-duanya adalah kesalahan yang sama. Jika ingin memberi hukuman berbeza seharusnya pertuduhan hendaklah di bawah seksyen yang berbeza juga.

Tetapi ini tidak berlaku. Jelas pada pandangan saya pemilihan yang telah dilakukan oleh perwakilan sememangnya sengaja ingin menguburkan UMNO. Terpulanglah kepada perwakilan kalau inilah yang diinginkan.

Maka kiranya tidaklah salah jika saya cadangkan UMNO kini boleh menjalinkan hubungan kerjasama dengan PKR kerana kedua-duanya mempunyai 'titik persamaan' iaitu pemimpin mereka pernah didapati bersalah rasuah bezanya satu di mahkamah yang mulia dan satunya lembaga disiplin parti.

Pendapat Biasa dari Rakyat Biasa,
Wassalam

By readerdeeAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:46 PM

Saya pun sama dengan Tun tak hadir pasal saya tak mahu jumpa jerung2 rasuah barua KJ.

Lagipun, siapalah saya..cuma boleh jadi pak pacak..lain la Tun ..hehehe
By sherryAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:47 PM

Laporan Polis keatas Khairy Jamaluddin?
Sebuah Laporan Polis dijangkakan akan dilakukan keatas Ketua Pemuda UMNO yang baru dipilih Khairy Jamaluddin, atas kesalahan salahlaku 'politik wang'.

Laporan ini akan dibuat oleh seorang ahli Pemuda UMNO Perak dan minta pihak berkuasa menyiasat keatas dakwaan dimana 'carpet bombing' berjumlah RM 10,000.00 setiap seorang. Habuan lebih dikatakan dijanjikan apabila Khairy menang.

Modus operandi yang digunakan ialah wang tunai dan nombor magnum, agar sesiapa yang menerima habuan ini akan 'menunaikan kemenangan' ini tanpa dilihat sebagai 'rasuah'. Kesalahan ini dikatakan dilakukan pada malam Selasa 24 Mac 2009. Terdapat laporan dimana Perwakilan Pemuda UMNO berbondong bondong menuju ke Hotel Corus, Kuala Lumpur, yang dikatakan sebagai 'Lubuk KJ'.

Sumber: Bigdogdotcom

By ZWAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:47 PM

Betul tu Tun. You don't want to be associated with corrupt people even being in the same room with those people. It's guilty by association - condoning corruption in politics. It's not only the forms of corruption but the appearance of it is as filthy. I see that person is so filthy...eeeeeeee...kotor!
By soscodeAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:48 PM

inilah kelemahan lembaga displin UMNO. KJ akan merosakkan SAF yg bakal dipimpin oleh DS Najib Tun Razak.
By saraAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:51 PM

Dear Tun

Words cannot describe the disguest that must have been felt by many Malays who had hoped against hope that the UMNO delegates would heed the advice of Najib Tun Razak when it was announced that KJ won as Head of PEMUDA.

What you have written succinctly reflects the feelings of many of us but some, myself included, are still living in hope - hope that Najib will have the courage to break convention and not appoint KJ to his new cabinet.

Who he appoints to be his colleagues in Cabinet will reflect how serious he is about changing and that will be his acid test. He has said the right things and the election results are beyond his control - everyone can accept that. However, once he has control, it will be up to him to prove that he is capable of taking control and effecting the changes he promises the rakyat.
By sherryAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:51 PM

PAU ke 59: Khairy di'boo', PM 'Flip-Flop' Abdullah selar Tun Dr. Mahathir

Hari ini menyaksikan Perhimpunan Agung UMNO (PAU) ke 59. Ianya dimulakan dengan upacra tradisi

menaikan bendera Sang Saka Bangsa dan menyanyikan lagu Bersetia, Bersatu, Berkhidmat diperkarang PWTC. Sebagaimana dijangkakan, tiada perkara luar biasa seharusnya berlaku dalam rutin tahunan (kecuali 2008 dimana tiada PAU). Namun begitu, satu peristiwa luar jangka berlaku.

Sejurus para Perwakilan masuk kedalam tempat masing masing dalam Dewan Merdeka, Ketua Pemuda baru dipilih YB Khairy Jamaluddin juga ditunjukan tempat. Setibanya kelibat beliau dapat dilihat sebahagian besar Perwakilan UMNO, beliau telah di'boo' dengan lantang. Bukan setakat Perwakilan UMNO yang muda muda, malah yang veteran dan Wanita juga memberikan sambutan 'hina' dalam keadaan biasa sepatutnya yang penuh istiadat gilang gemilang. Sebagaimana dirancang, Khairy yang menjangkakan ada 'hostiliti' akan tunjukan ahli UMNO kepadanya, sampai dengan eskort Polis yang bersenjata.

Ini jelas menunjukan sentimen sebenar ahli UMNO terhadap pemimpin yang dikatakan sebagai 'strategis' yang telah menyumbang kekalahan luar biasa BN dalam Pilihanraya Umum ke XII 8 Mac 2008. Sekiranya peristiwa Pemuda akar umbi UMNO menjerit "'KJ', Rasuah!" malam semalam dikira sebagai tindakan 'kebudak budakan' yang kurang matang, jelas peristiwa hari ini memanifestasikan perasaan sebenar ahli UMNO kepada MP Rembau itu.

Dalam ucapandasar kali terakhir Presiden UMNO VI PM 'Flip-Flop' Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau telah sempat membidas Presiden UMNO V dan Negarawan Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang disifatkan sebagai "menderhaka dan gunting dalam lipatan" dan kemudian tergamak meninggalkan parti.

Laporan Bernama.com & anjingbesartitikkom
By Hafidzan IdrisAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:56 PM

Salam YABhg Tun Dr. M,

Saya pasti jutaan rakyat Malaysia berkongsi sedih dengan YABhg Tun atas apa yang berlaku kepada Pemuda UMNO.

Perasuah diangkat dan dijulang oleh si penerima rasuah. Adakah mereka tidak berfikir? Duit rasuah itu duit haram!!! Nampak muka Timb Menteri Pengajian Tinggi duduk bersama si perasuah dan menang MT. Perwakilan Bahagian UMNO juga ramai menyokong geng perasuah..!

Perdana Menteri sebenarnya tidak ikhlas menyerahkan jawatannya kerana sayang dgn Perasuah. Rata-rata sahabat saya pagi ni apabila membaca surat khabar naik jelek dan meluat dgn ucapan Perdana Menteri jauhi amalan korup dan rasuah sedangkan dia sendiri menghalalkan rasuah oleh menantunya.

304 orang yang mengundi itu tidak keterlaluan sekiranya saya gelarkan sebagai PELACUR POLITIK kerana sanggup melacurkan amanat akar umbi disebabkan habuan wang ringgit.

Tidak ada satu intipati pun daripada perbahasan perwakilan pemuda UMNO yang boleh dikutip disebabkan kredibilitinya begitu jijik sekarang.

Saya berasa kagum atas sikap profesional Dato' Mukhriz yg sanggup menjulang tangan Perasuah selepas pengumuman dan sikap ini saya lihat tidak ada pada 5 calon puteri yang kalah, Penyandang wanita yang tewas dan calon Timbalan presiden yang tewas. Syabas Mukhriz!!

Ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya!! Teruskan perjuangan... terima kasih 232
By faisnurAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:56 PM

Salam Tun,

Sudah amat jelas, orang yang paling sedikit mendapat pencalonan telah menang. Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena dengan perwakilan pemuda UMNO. Pemuda UMNO telah memilih ketua yang ditolak

orang-orang melayu. Mereka tidak lagi mewakili hasrat dan keinginan akar umbi dan lebih mementingkan diri sendiri.

By sherryAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:57 PM

Apakah 304 Perwakilan Pemuda UMNO sanggup pikul tanggung jawab bila UMNO dikuburkan?

Kami berada di podium aras 2 PWTC sepanjang malam semalam, untuk mendengar keputusan pemilihan jawatan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO. Sepertimana dianggarkan, berpusu pusu penyokong dan ahli parti yang berharap, dari ketiga tiga sayap UMNO ini bertumpu di depan skrin besar untuk mendengar pengumuman rasmi.

Mula mula ialah pengumuman Ketua Wanita UMNO dimana penyandang Tan Sri Rafidah Abd Aziz (280 undi) dikalahkan teruk kepada Mantan Naib Ketua Wanita UMNO Dato' Shahrizat Abdul Jalil (507 undi). Ini bukanlah kejutan namun jumlah undi yang diraih merupakan luar jangkaan. Yang menghairankan kami, mengapa Perwakilan Wanita UMNO memberikan sokongan kepada seorang calon (yang juga seorang Menteri Kabinet) yang kalah dalam Pilihanraya Umum XII 8 Mac 2008, dalam satu kawasan parlimen tradisi BN kepada seorang calon PKR yang mentah dan belum teruji, sebagai Ketua Wanita UMNO.

Wanita UMNO merupakan jentera utama kempen dan tulang belakang setiap kali UMNO berhadapan Pilihanraya. Apa persepsi rakyat keatas Wanita UMNO selepas ini apabila Ketua Wanita UMNO sendiri gagal mempertahankan kerusi tradisi beliau sendiri, walaupun sebagai Menteri Kabinet dan begitu banyak pembangunan, termasuk untuk orang Melayu dalam Lembah Pantai.

Kemudian, hampir tengahmalam, diumumkan keputusan pemilihan jawatan Pemuda UMNO. Hadirin yang berkumpul begitu berdebar debar dan tidak keruan kerana terpaksa menunggu begitu lama.

Apabila disenaraikan barisan Exco Pemuda UMNO yang menang, yang jelas ialah dua perkara. Pertama, majoriti mereka ini merupakan calon yang paling 'aktif' bertindak sebagai 'dermawan' semasa siri berkempen. Sebilangan besar yang dipilih merupakan calon calon yang dikaitkan rapat dengan Naib Ketua Pemuda UMNO YB Khairy Jamaluddin. Contoh terbaik ialah kesemua empat calon Pemuda UMNO dari Bahagian Putra Jaya berjaya dipilih ke dalam barisan Exco Pemuda UMNO, yang didahului Koordinator Polisi di Pejabat Perdana Menteri Dato' Ahmad Zaki Zahid, yang juga implementor utama 'Budak Tingkat Empat'.

Kejutan berlaku apabila calon Naib Ketua Pemuda UMNO yang kurang popular YB Dato' Razali Ibrahim diumumkan sebagai pemenang mengalahkan Dato' Reezal Merican Naina Merican.

Apabila keputusan Ketua Pemuda UMNO diumumkan, calon yang menjadi buah mulut rakyat biasa Khairy Jamaluddin atau 'KJ', telah menang dengan 304 undi mengalahkan Mantan Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor YB Dato' Seri Dr. Khir Toyo 254 undi dan Exco Pemuda UMNO YB Dato' Mukhriz Mahathir 232 undi.

Reaksi penyokong dan dikalalangan ahli Pemuda UMNO yang berkumpul diluar Dewan Tun Hussein Onn terus gamat. Mereka mula bersorak " 'KJ', rasuah!" tanpa henti henti. Ada yang menjerit "Pengkhianat UMNO!" dan "Tangkap 'KJ'!" , dicelah celah chanting yang penuh emosi tersebut. Lantas, keadaan menjadi begitu tegang, sehingga berlaku perbalahan sehingga pergaduhan kecil antara ahli Pemuda UMNO. Namun dengan cepatnya ianya dileraikan dan ahli Pemuda UMNO yang dianggarkan sebagai penyokong Mukhriz dan Khir Toyo, yang kelihatan kecewa dengan keputusan ini mula beredar perlahan lahan dari PWTC.

Keputusan pemilihan ini amat mengecewakan. Jelas 304 orang Perwakilan Pemuda UMNO AMAT

TIDAK PEKA dengan aspirasi akar umbi, termasuk perkembangan terkini mengenai salah laku politikwang yang sering membelenggu UMNO dengan persepsi negatif masyarakat, yang juga melibatkan Khairy Jamaluddin baru baru ini. Amanat terakhir Timbalan Presiden Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak semasa perasmian persidangan serentak Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO tidak diambil kira.

Kesan keputusan pemilihan semalam akan lebih mencorakan keyakinan dan sokongan rakyat, terutama golongan muda kembali kepada UMNO dan BN. PRU 12 menyaksikan 'mesej jelas' saluran 3 dan 4, yang begitu lantang menolak BN. Antara faktor utama ialah kelemahan Kepimpinan PM 'Flip-Flop' Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dibelenggu pengaruh 'Budak Tingkat Empat' dan isu isu seperti rasuah.

Perwakilan Pemuda UMNO memang alpa dengan keadaan sekeliling dan sejarah. Walaupun Khairy dibenarkan bertanding selepas Lembaga Disiplin UMNO membuat siasatan, namun kemampuan calon ini mengunakan segala peluang, termasuk salah guna kemudahan rasmi Kerajaan Persekutuan dijana sepenuhnya untuk menentukan kemenangan. Dato' Ahmad Zaki sendiri pernah dihadapkan Lembaga Disiplin UMNO dan diberikan amaran keras semasa pemilihan parti Ogos 2004.

Rakyat tidak lupa peristiwa ini semua dan akan menguatkan lagi UMNO sebagai parti elitis yang mengamalkan korupsi dan salah guna kuasa, walaupun amalan ini HANYA dikalangan segelintir kecil dari 3.2 juta ahli. Namun kuasa pada 800 Perwakilan Pemuda UMNO begitu 'menjahanamkan', apabilanya ianya disalah gunakan. Igauan ini berlaku malam tadi. Harapan dan aspirasi akar umbi dan rakyat agar UMNO memilih Kepimpinan yang bukan sahaja bersih, tetapi kelihatan bersih, amat meleset.

Apa akan jadi kepada UMNO setelah barisan Kepimpinan Pemuda UMNO terdiri dari personaliti yang tidak diyakini, malah seblingan besar rakyat mempunyai persepsi buruk keatas mereka. Exco Pemuda UMNO merupakan pemimpin pelapis. Kini igaunan 'harapkan sokong, sokong membawa rebah', benar benar berlaku.

Kami di BigDogDotCom berharap apabila UMNO ditolak lebih dasyat lagi pada PRU 13 dijangkakan dalam tempoh tiga tahun lagi, walaupun 'mesej jelas' Tsunami Politik PRU 12 8 Mac 2008 masih segar dalam ingatan dan igauan sebilangan besar akar umbi UMNO, kesemua 304 Perwakilan Pemuda UMNO yang membuat undi malam tadi rela menerima sepenuh tanggung jawab UMNO dikafan dan kuburkan!

* Selepas menyaksikan kecelaruan akar umbi diluar Tun Hussein Onn sejurus mendengar keputusan (yang kami sendiri tidak bersetuju cara ahli Pemuda UMNO menunjukan reaksi dan emosi) barisan baru Exco Pemuda UMNO, kami bingkas beredar 'mencari damai abadi', yang akhirnya disambut dengan selebat lebat hujan kota metropolitan 1 jam kemudian. Kami tidak pun mengetahui keputusan pemilihan Puteri UMNO sehingga pagi ini.

Sumber: Bigdogdotcom
By kuda_kepangAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:58 PM

Yaa... mmg betul tindakan Tun.
rakyat tolak rasuah, pemuda UMNO pulak senang2 je terima org yg beRASUAH. what a shame~

(ps, am I the 1st one to comment? bangganya)
By RamlaxAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:58 PM

Dear YAA Tun,

When you are in government the glass is always half full and when you are out of government, like me, the glass is half empty. You have made a telling point. I hope that those in power will not only think about themselves only and forget people like us who have surrendered our power to them through the ballot box.
By Seven Peace KidAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:58 PM

Salam buat Ayahanda TUN sekeluarga,

I admit, news of Mukhriz defeat to that other guy left me frustrated. I am not an UMNO member though but I just wish someone will carry on your administration legacy for the country.

You know, when you have that "feel good" feeling that the country is in good hand. Making headlines in a right way, local and abroad.

Well at least Muhyiddin victory give some sort of comfort. Pity for Rais Yatim..I too believe he's good but unfortunatley lost.

On MT list, I believe some should not be there..and some who lost should be there..well that's politics I supposed.

Saya juga sokong jika Datuk Nagib appoint you as the UMNO special adviser. You are really needed Tun especially during this difficult economic and political environment.

Pada perhimpunan ni, kalau Tun hadir di majlis ni pun bagus sebab biar mereka yang mengamalkan politik rasuah nie "see eye to eye" with you. See how do they response to your presence.

Akhir sekali, just hope the new cabinet line up will be a very dynamic team for agama, bangsa dan negara..
By kopi OAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:59 PM

Salam Tun,

saya setuju yang UMNO sekarang semakin hanyut di buai arus gelombang yang membawa kejatuhan orang melayu....
By anakmemmetAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:59 PM

Parti ini sedang menuju kemusnahan jika ia masih begini. Rakyat bukan lagi buta dengan ucap-ucap manis di media-media. Semua org sudah pandai menilai, tidak kira miskin atau kaya, kecil atau muda... Kebanyakan pemimpin sekarang hanya syok sendiri di media-media..menunggu masa untuk jatuh
By jurublogAuthor Profile Page on March 27, 2009 5:59 PM

Memang malang bagi UMNO.

Calon yang mendapat pencalonan terbanyak mendapat undi yang paling rendah, dan calon yang mendapat pencalonan terendah mendapat undi yang paling tinggi.

http://www.jurublog.blogspot.com
By ubi kayuAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:00 PM

Salam ayahanda Tun,

kita semua setuju dengan ayahanda Tun.

orang cina ada pepatah, "kong pun bo yong" (dialek hokkien),
maksudnya, "cakap/tegur pun tak guna" buang air liur aje!

harap kita semua dapat tepuk dada tanya akal!

Wassalam
By longjaafarAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:00 PM

Saya bersetuju dengan pendapat Tun. Mungkin mereka megguna murid2 tadika untuk mengira undi.
The decay in UMNO has set in. From now on, it can only get worse.
By sanggul melayuAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:01 PM

A'kum Tun..

Saya juga merasa amat kesal dengan Pergerakan Pemuda. Apa yang ditunjukkan oleh Perwakilan Pemuda pada hari ini amat jijik dan memualkan. Orang berkata itulah orang Muda..Bertindak mengikut perasaan. Bagi saya itu bukan orang muda tetapi orang bodoh!Bodoh sampai nilai hakikat sebenar dikelabui hanya duit ringgit. Memang banyak diterima tapi sampai kiamat ke perasuah tu akan sara diri dan keluarga?

Ada juga yang mengatakan Mukhriz bergerak dengan air liur. Sekurang-kurangnya bagilah sediki duit minyak!Ini pernyataan orang yang tak layak duduk di dalam UMNO.Patut malu dengan diri sendiri. Masuk dalam UMNO hanya nak cari duit ka?Nilai perjuangan jangan disamakan dengan nilai duit. Apapun hancur dah UMNO di mata orang muda.
By hazanetAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:03 PM

Salam Tun dan semua pembaca

Saya amat berharap kepimpinan UMNO baru akan menjemput Tun kembali ke UMNO dan melantik Tun sebagai penasihat parti serta menteri penasihat/pembimbing (Minister Mentor).

Semua orang tahu dan telah terbukti Tun dapat mentadbir negara dan menangani semua masalah dengan sangat baik sepanjang 22 tahun sebagai perdana menteri. Tambahan pula semua rakyat malaysia (termasuk pembangkang dan ahli keluarga mereka) menikmati pelbagai pembangunan yang dibawa Tun, termasuklah menggunakan kemudahan yang dibina walaupun suatu masa dahulu mereka pernah membantah kerana tidak berfikiran jauh.

Kepimpinan baru negara perlu mendapatkan idea-idea bernas Tun bagi memastikan tiada lagi pelbagai masalah seperti yang berlaku sekarang.

Salam hormat buat semua,
Mr.H
By SurrenAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:04 PM

Dr.M,

We can't change the history.
What ever happened is happened.
But I want to ask you something.

You say DSAI is traitor and will spoil future of Malays and UMNO.
But then now there is a new traitor within UMNO.
But this traitor is gaining support.
And the chances to become the youngest PM ever in Malaysia are higher now.

So at which side you are now?
Keep on supporting BN(UMNO)?
Will ask your supporters to choose PR rather then BN in upcoming GE?
Or you will startup your own party?

Please be clear as most of your supporters are unsure to whome they should vote for in next GE.
By mahathirismAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:04 PM

Salam hormat TUN,

saya Pemuda dari Johor sangat sedih dengan keputusan perwakilan Pemuda untuk memilih perasuah sebagai ketua...mmg ada yang tidak kena dlm pengiraan undi..jika undi dikira dengan telus, saya jamin ini tidak akan berlaku...mustahil si perasuah boleh mengemudi Pemuda dengan baik...sumpah saya tidak yakin...hanya Mukhriz yg layak...HIDUP MUKHRIZ!!!!!

salam...
By JeezaAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:04 PM

Salam Tun,
Saya merasa amat dukacita dengan kekalahan anakanda Tun dan amat bersimpati dengan nasib UMNO kerana kegagalan pemuda memahami kehendak akar umbi yang mahukan seorang pemimpin pemuda yang bersih. Sekiranya KJ terus dibiarkan menguasai pentadbiran, saya memberi Talkin Untuk UMNO. Saya bersetuju sekali untuk ayahanda Tun untuk tidak menghadiri perhimpunan tersebut. Lihat lah KJ telah menunjukkan sikap bongkak dalam ucapan beliau. Kepada Pak Lah, saya memang menyampah dengan sikap hipokrit beliau. Kami bukan tidak faham mesej yang disampaikan bertujuan untuk menyindir Ayahanda Tun kononnya dia sayangkan UMNO dan tak akan keluar dari UMNO. Entahlah, tetapi saya sangat bencikan ahli UMNO terutama pemuda yang membiarkan rasuah menentukan masa depan negara.

Ayahanda dan Bonda, jaga kesihatan diri dan semoga sentiasa diberkati Allah. Teruskan perjuangan demi bangsa Melayu dan agama Islam.
By sudinAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:04 PM

Assala'kum Tun

Setiap kali PM 'no quality' Pak Dol/menantu muncul dikaca tv saya terus tukar channel, setiap kali nampak muka mereka dalam apa jua jenis akhbar saya segera flip ke muka surat lain - saya telah bertahun menganggap mereka sebagai hipokrat, pembohong, no quality & liability no. 1 negara/bangsa/UMNO.

Saya hanya berharap tiada apa2 darjah kebesaran dikurniakan kepada PM Dol dan apa jua darjah kebesaran yang sedia ada padanya sudah jauh lebih memadai jika dibanding sumbangannya - pencapaian paling ketara bak kata Kit Siang menantu nya jadi 'richest unemployed in Malaysia'.

Saya juga berharap PM baru (kalau PM Dol jadi letak jawatan) tidak memberi apa2 pangkat/jawatan pada menantu ketua pemuda (???) yang juga Raja Hipokrat. Mark my word, kalau menantu PM Dol dilantik ketua kempen BN pada pilihanraya kecil Bt Selambau & Bt Gantang, BN akan kalah teruk! Rata2 masyarakat umum setuju pada PRU 12 dulu sebab utama BN kalah adalah kebencian membuak terhadapnya. Pada PRU 12 dulu saya buat undi rosak, tapi kalau PM baru lantik dia jadi menteri PRU 13 nanti saya akan undi pembangkang!

Saya bersyukur Shahrir (juga no quality), MB NSembilan, dan beberapa calun lain yang bodek PM Dol tewas pada pemilihan UMNO.

Elok bubarkan saja Pemuda UMNO. Sebab merekalah orang2 muda sokong pembangkang. Tambahan pula sekarang Raja Hipokrat dah jadi ketua. Sebelum PRU 12 dulu menantu Pak Dol beri beratus ribu RM kepada kebanyakan ketua pemuda bahagian, just like that. Kalau mereka nafi suruh sumpah dalam masjid tangan pegang kitab suci Al-Quran.

By mahathirismAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:04 PM

Salam hormat TUN,

saya Pemuda dari Johor sangat sedih dengan keputusan perwakilan Pemuda untuk memilih perasuah sebagai ketua...mmg ada yang tidak kena dlm pengiraan undi..jika undi dikira dengan telus, saya jamin

ini tidak akan berlaku...mustahil si perasuah boleh mengemudi Pemuda dengan baik...sumpah saya tidak yakin...hanya Mukhriz yg layak...HIDUP MUKHRIZ!!!!!

salam...
By TeruterubozuAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:05 PM

Salam Tun & Keluarga

Apabila dilihat barisan pemimpin hadapan telah dipilih mengikut apa yang rakyat hendakkan, memang jelas ahli - ahli umno yang lama tidak boleh dijual beli dengan rasuah dan tidak pula bermodalkan rasuah untuk menang. Amat menyedihkan apabila anak-anak muda perwakilan pemuda hari ini rupanya rapuh, mudah termakan dek ketamakan dunia, asal masuk poket mereka sanggup gadaikan apa yang ada, mengangkat perasuah sebagai ketua mereka. Macam mana dengan masa depan anak-anak kita.
By che shazAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:06 PM

Dear Tun,

Saya begitu hiba dan hairan mengapa PEMUDA UMNO boleh menjadi begitu BUTA HATI dalam mementingkan wang ringgit berbanding kepentingan bangsa Melayu dan Negara. Adakah mereka lupa yang mereka juga mempunyai anak-anak , cucu cicit dan generasi akan datang yang bakal meneruskan kehidupan di negara ini. Adakah masa depan anak-anak kita tidak begitu penting berbanding wang ringgit yang ditaburkan?
By faudziAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:06 PM

Akum TUN dan semua

Saya 100% bersetuju dengan pandangan TUN dan saya juga tidak mahu mendekati PWTC dimana UMNO bersidang. Jelas sekali Pak Lah sebagai Presiden Parti UMNO pada masa itu seharusnya menggunakan kuasa yang beliau ada untuk melarang menantu bertanding kerana jelas telah didapati bersalah dalam politik wang. Tapi sayang sekali beliau tidak berbuat apa apa.

Kalau beliau betul2 ikhlas dalam perjuangan UMNO ,berjiwa besar dan islamik sepertimana yang beliau rasa (saya rasa tidak), beliau seharusnya berani meletakkan hukuman yang setimpal kepada sesiapa sahaja tidak kira anak, menantu atau sahabat. Ini lah ajaran orang islam. Tapi beliau dalam ucapannya hanya menyuruh orang lain berubah dalam diri sendiri.

Pada pandangan saya liabiliti UMNO sekarang adalah macamana nak bersihkan tahi yang terpalit di muka PEMUDA UMNO ibarat kata peribahasa kita "hanya kerana seekor kerbau membawa lumpur habis semuanya terpalit atau kerana nila setitik, habis susu sebelangga"

NASIB KAU LAH UMNO.. beban sekarang terpikul dibahu DS Najib dan kepimpinan yang ada untuk membetulkan persepsi yang buruk terhadap UMNO. Saya berharap DS Najib dan kepimpinan yang ada mempunyai kebijaksanaan dalam menangani isu tahi yang terpalit ini.

Saya tidak redha "tahi kerbau" ini terpalit dimuka saya sebagai orang melayu yang sayangkan UMNO.

ulasan lanjut di wwww.pantausblog.blogspot.com

wassalam.
By mynesAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:08 PM

Tun,

Tindakan perwakilan memilih beruk jahanam sebagai ketua adalah satu pembelotan kepada bangsa Melayu & rakyat Malaysia keseluruhannya. diorang lupa dgn kehendak rakyat bawahan dan memikirkan poket masing2 je. UMNO makin dibenci dan pasti akan kalah besar dlm pilihanraya.

Saya sendiri makin benci dgn UMNO kerana tindakkan yg jelas hanya mementingkan diri sendiri dan langsung tidak mahu mendengar kehendak rakyat bawahan untuk memulihkan UMNO.

Kalau Najib lepas nie lantik beruk haram nie pegang apa2 jawatan dlm kerajaan, maka muktamadlah berkuburnya UMNO. lupakan terus UMNO.

Tun, kalau Tun nak tubuhkan parti baru, saya akan awal2 daftar jadi ahli. sekarang pon saya bukan ahli UMNO, tapi sentiasa menyokong UMNO selama nie. tindakkan perwakilan betul2 menguris hati rakyat bawahan mcm saya. susah dah nak sokong UMNO lepas nie Tun.

Tun, timbangkan lah utk bentuk parti baru.
By akmalfairuzAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:08 PM

Lelaki Melayu...macam tu la...
By HOT ZOOMAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:09 PM

Salam Tun,

Budaya songsang telah menular dalam kepimpinan negara sekarang.
Para perwakilan ni dan membuat perkara songsang.
Lihat disini
http://zoompanas2.blogspot.com/2009/03/songsang.html

http://jomkongsipeluang.synthasite.com
By "My Way"Author Profile Page on March 27, 2009 6:09 PM

Dear Tun,

You made the right choice of not attending the General Assembly. Better be someone who is impartial and still having the freedom to express whatever is wrong or right in this country.

Learning the results of the Pemuda Umno is really the saddest episode. It seems money is what matters and no longer the accountability to the country and its citizen like what the forefathers used to stand up for.

What do you think of the speech by Pak Lah especially indirectly attacking you Tun? Unfortunately, for someone like Pak Lah, he is not grateful at all despite how much Tun has done for this country and even his political career.

Nevermind Tun, despite how many critics said about you, your testament and contribution to this country is invaluable.
Take it easy Tun, get enuf rest.
Cheers!
By che shazAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:10 PM

Saya khuatir rakyat juga tidak akan memilih UMNO kerana mereka juga tidak mahu mencemarkan diri mereka dengan memilih parti yang mendukung amalam rasuah dan double standard.....SEDARLAH !
By SentraAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:10 PM

SALAM TUN,

SAYA AMAT SIMPATI KEPADA TUN KERANA ANAK TUN TIDAK MENANG DALAM PERTANDINGAN TERSEBUT.

SEBENARNYA SAYA AMAT MENDOAKAN MUKRIZ MENANG KERANA MUKRIZ ANAK MURID SAYA

SEMASA DIA BELAJAR DI MRSM PENGKALAN CEPA KELANTAN.

TETAPI APAKAN DAYA ORANG UMNO TELAH DIBELI DENGAN WANG DAN TAKTIK YANG AMAT MENGHAIRANKAN.

SALAH GUNA KUASA DAN RASUAH DALAM UMNO AMAT JELAS DAN SEMAKIN JELAS, TETAPI YANG SALAHNYA IALAH AHLI UMNO DAN JUGA PEMIMPIN UMNO DAHULU YANG GAGAL MEMBENTRAS RASUAH.

BARAH RASUAH TIDAK DAPAT DIUBATI DALAM JANGKA MASA 5 TAHUN KERANA BARAH TERSEBUT TELAH BERMULA 27 TAHUN YANG LEPAS.

OLEH ITU JANGAN KESAL DAN KECEWA ATAU MENCARI ALASAN LAIN, SEBALIKNYA INILAH HARGA YANG PERLU DIBAYAR HASIL DARI PERBUATAN AHLI UMNO YANG LEPAS.

SEKIAN.
By adrayyAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:12 PM

Tun,

Saya sedih dgn apa yg berlaku...Pemuda masih tak belajar dr kesilapan. Wang lebih penting dr agama, bangsa & negara. Bagi mereka yg benar2 berjuang, saya amat simpati dgn mereka. Harapan saya supaya Dato' Mukhriz akan tetap meneruskan perjuangan..Kerana akar umbi tetap menolak pemimpin yg mengamalkan rasuah.
Tun pengira undi tu mungkin xhabis sekolah...hahaha tu yg kira kertas undi 790 pun lembab .....

p/s Tun saya benar2 tak boleh langsung tgk muka Ketua Pemuda yg berkiblatkan rasuah tu..Keluar je muka dia kat TV terus saya tukar channel or tutup TV terus..sama juga dgn Bapak Mertua dia..Dua2 cakap xserupa bikin. MAsa menunggu pengumuman tu saya paksa je mata ni melihat dia..alangkah angkuhnya dia tu..Doa saya semoga Allah beri balasan yg setimpal utk perasuah2 ni...Tunggu dan lihat sajalah...
By chanAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:13 PM

Dear Tun,
As you said, we knew it before. For sure the coming election BN will be history. Is a real sad scenario that KJ can be the chief youth. And for sure he will be a full minister. Maybe Tun need to do the samething that Tun did it to his FIL. We love BN but not KJ. Just like Chua Soi Lek....only MCA members love him....not outsider. It would be same to KJ. Godless BN.....
By mednahrAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:14 PM

Salam Tun,

UMNO yang sedia lemah sudah hilang kredibilitinya sejak KJ diangkat menjadi Ketua Pemuda.

Saya frust Tun sebab walaupun saya bukan ahli UMNO tapi saya orang melayu, UMNO sinonim dengan Melayu.

Bye Tun
By Chuck68Author Profile Page on March 27, 2009 6:14 PM

Good evening Honorable Tun,

May God bless you & family good health.

I was surprised to see the result of the Pemuda UMNO, where Tun's got the most nomination in the contest, I just wonder why? and what happen to the support from the people who nominated him to

contest in the Pemuda UMNO.

I admired Tun's son's spirit of acceptance of the defeat result & wishing Tun's son good health because there is a uphill battle against all odds, especially now with new Pemuda Chief elected. Good luck!

I deeply hope to see the Changes that the new UMNO leadership can bring changes to UMNO & set an example to the Allies & to the People. "Tidak ada cakap kosong".

I sincerely hope new leadership under new PM will Prioritize on the "Rakyat" Sikap Adil, timbang rasa & tegas.

Rakyat Malaysia
Chuck68
By maria md yusofAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:15 PM

salam..

nak buat macam mana..rasuah dalam politik (tak kiralah parti apapun) diterima baik oleh semua..siap pertahankan lagi tu!! mana diorang ni letak ajaran agama pun tak tahu lah..dikepala lutut agaknya.
By mrbigschumiAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:16 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya amat setuju dengan pandangan Tun mengenai amalan rasuah yang telah berlaku secara terang-terangan ketika berlangsungnya persidangan pada kali ini.

Pada sidang Khutbah Jumaat yang telah diadakan di Masjid Al-Syakirin KLCC tadi, ada menyentuh mengenai perbuatan merasuah dan perasuah oleh Pemimpin, yang pada pandangan saya, elok benarlah sekiranya Ketua Pemuda datang dan mendengar Khutbah Jumaat kerana sememangnya, akan kene tepat pada batang hidung beliau.

Mengenai Klausa 7, 8, 9 dan 10, juga bersetuju dengan pandangan Tun dan sememangnya, Pemuda telah merosakkan imej UMNO dan imej orang Melayu sendiri.

Melayu tanpa Rasuah....Adakah ianya boleh dipisahkan kini. Dulu rasanya memang boleh, tapi tidak lagi.
By ddasmaraAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:16 PM

sedih giler....
By ykAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:16 PM

memang nyata dan jelas this fellow is perasuah. Tetapi, masalahnya, pemuda UMNO tak ada pilihan lain. Si Khir tu lagi teruk. Buang masa aje cakap pasal dia, lebih kurang sama dengan bekas presiden Taiwan. Mukhriz pula, pada pandangan saya (umum), tak cukup berkaliber.
By ykAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:17 PM

memang nyata dan jelas this fellow is perasuah. Tetapi, masalahnya, pemuda UMNO tak ada pilihan lain. Si Khir tu lagi teruk. Buang masa aje cakap pasal dia, lebih kurang sama dengan bekas presiden Taiwan. Mukhriz pula, pada pandangan saya (umum), tak cukup berkaliber.
By sarjan hassanAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:19 PM

assalamualaikum Tun,
kami sekeluarga rasa sungguh kecewa dan sedih dengan keputusan Persidangan Agung UMNO. penat Tun nasihat dan bagi "hint" kat mereka,tapi UMNO has spoken.bukan kehendak akar umbi atau Rakyat yang penting sekarang.yang penting adalah nafsu rakus pemimpin dan penyokong mereka sahaja.say percaya masih ada orang UMNO yang taat,setia dan bersih.tapi mereka kalah dengan ketua-2 mereka yang mengamal rasuah.

Tun,apa akan jadi dengan UMNO?240 yang sokong Mukhriz tetap akan kena pancung.itu bahagian pemuda.bahagian wanita?puteri?baik keluar ramai2 buka parti baru.parti yang bersih,cekap dan amanah.parti yang memimpin melalui teladan.parti yang menjaga hak Rakyat tanpa mengkompromikan hak orang Melayu.
UMNO bukan parti kita lagi.Umno telah digadaikan pada "THE HIGHEST BIDDER"
sejarah menunjukkan Tanah Melayu tergadai,dijajah,dipecah belahkan oleh golongan pemerintah.Malaysia pun gitu.hanya golongan yang memerintah sahaja ada akses atau "authority" untuk membuat perjanjian jualbeli.tapi bila masalah melanda,Rakyat yang menjadi perwira dan pahlawan untuk melindungi tanah air kita.
sebab itu dalam sejarah Melayu...semua hero-hero dari golongan rakyat biasa,mana genaral atau kolonel jadi hero.paling2 Leftenan Adnan atau Sarjan Hassan,sebab golongan pemerintah dah lama lari ke negara lain bersama dengan hasil rompakan dari tanah air kita.
kita diserang dari semua arah.hak kita ditanya,martabat kita dicemar,tanah kita dirampas dan yang paling hina sekali...agama suci kita dicabar.mana hero Melayu?mana pendekar Melayu?mana pahlawan Melayu?Mana mereka yang berlaung mengata mereka penjuang bangsa Melayu?
last sekali jadi hamba di tanah air sendirilah kita.yang lebih teruk dan nenyedihkan ialah pemusnah bangsa Melayu adalah orang Melayu sendiri.KETUANAN MELAYU DAH LAMA TERGADAI.
ALL THE BEST WAHAI SAUDARA2 SEAGAMA DAN SEBANGSA DENGANKU.TIME IS UP.WASSALM
By sg layangAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:19 PM

Assalamualaikum Tun yang dikasehi,
Memang benar Tun,kenapa nak kira 790 undi bapakkan lama memang pemuda UMNO is something wrong, apa apa pun marilah kita sama sama bacakan talkin untuk mereka mereka ni supaya hidup mereka ni nanti aman damai apabila UMNO selamat disemadikan pada pilihanraya 2012
Hidup Tun,Hidup Melayu
Amin
By TheAminosAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:20 PM

Tun, Harap-harap Mukhriz dapat jadi menteri. At least there will be someone who can do a job sincerely.

DS Najib dan TS Muhyiddin suka KJ ke? Kalau suka lagi hancur lah. Kalau bukan satu geng kurang kurang ok lagi. Pak Lah dah takdak kat atas, susah sikit la KJ nak dapat restu buat sesuatu benda.

Let's just see how it goes. Perwakilan and the people choice are totally different.

Hopefully next time individual votes. No more perwakilan votes.

p/s: mind my english, i sekolah atap.

http://theaminos.blogspot.com
By crazy diamondAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:21 PM

Tun,

KJ berkata dalam Utusan (27hb Mac 2009), kemenangannya disebabkan kerja keras dan juga tempoh kempen yang panjang yang menyebabkan dirinya menang baru - baru ini. Ini membolehkan dirinya melaksanakan aktiviti - aktiviti dengan perwakilan UMNO, apa niiiiiiiiiiii Ternyata beliau lebih sibuk berkempen dengan perwakilan daripada berkempen dengan akar umbi, agaknya sukar bagi beliau untuk merasuah akar umbi kot..... Jadi sogok perwakilan la, pewakilan boleh diberi duit, manakala akar umbi sukar sekali. Ini mungkin satu pendedahan yang tidak disedari oleh beliau, ternyata beliau begitu bodoh sekali. Begitu juga dengan perwakilan yang melerakan dirinya dirasuah dan makan rasuah, sama bodoh kerana lebih mementingkan kepentingan peribadi daripada parti. Ini sejenis manusia yang keji.

BUSTANUL BISTARI BEY
By gie7Author Profile Page on March 27, 2009 6:23 PM

salam tun dan semua pembaca...
lembaga disiplin pengecut...nape ada hukuman berbeza...pehimpunan agung UMNO dan menjadi hina sebegitu rupa. Pemuda 304 memang telah berpandu kepada wang...wang...wang...dulu tun terkorban kerana RM 200. sekarang anak tun terkorban ntah berapa...pemuda 304-aku dendam dengan ko sampai pengkhianat UMNO itu keluar dari UMNO.pemuda 304 telah mentabalkan seorang ketua yang menjadi liabiliti kepada UMNO.Tun...
Perjuangan kita belum selesai, kerana hanya mereka yang cekal dan tabah, dapat membina satu mercu tanda bansanya yang berjya
By amraAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:24 PM

saya turun berasa sedih Tun..dalam ucapan kemenangan memang tiada pon perasuah ini meyentuh tentang atau memberi komen tentang rasuah yang di kaitkan dengan dirinya..sedih sangat..sesuatu mesti dilakukan..
By wmiwpAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:25 PM

Saya menjadi ahli UMNO lebih dari 24 tahun. Dari pemuda Shah Alam sehingga akhir jawatan mantan setiausaha. Tapi atas apa yag terjadi pada permilihan PEMUDA UMNO 2008/11, saya kini menjadi malu menjadi ahli UMNO. Semua krn angkara perasuah wang MENANG. Soalannya, orang yang mengundi sepatutnya di gelar apa? PRU13 pasti kita di kalahkan lagi... BODOH, benda yang nyata lagikan tak nampak. Hai UMNO yang ku sayang, sampai bila nak jadi begini. Berubah hendak ke mana... kalau penumpang masih tak paham perasuah wang tiada tempat dlm pucuk pimpinan.....
SEDIHHHHHHHHHHHHH
By ilmyincAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:25 PM

A good move for you not to attend as you stand on what you believe
but how about your son?

The time is now for everyone to act in action not in words.

Words are cheap and actions are extremely expensive.

Are they willing to pay the price?
By Jawa+MelayuAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:25 PM

Apo nak di kato! Yang sebelah sini berapi-api menentang politik wang, rasuah dsbnya tetapi yang belah sinun dengan muka selambanya tersenggih2 macam tak berdosa menggenggam "habuan" Cuba perhatikan semasa pengumuman dikaca TV keputusan barisan kepimpinan Pemuda UMNO, walaupun belum diumumkan sepenuhnya mereka dah berada dipentas bersalam2an berpelukan bangga macam dah tahu je. Di mana letaknya integriti pihak yg dipertanggungjawabkan untuk pengiraan undi. Satu lagi cuba amati muka-muka barisan exco yang terpilih kebanyakkannya macam muka2 dah kena beli (tak ikhlas) kegembiraannya melampau atau seperti dah dijangka. Kalau inilah yang perlihatkan oleh barisan Pemuda UMNO alamat lingkuple, tak caya kita tungguuuuuu....!
By melangboyAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:26 PM

macam kalau kita main bola dan nak confirm menang ,
kita cari penjaga gol dan penyerang dan rasuah dengan duit,dah tentu menang punya.
kalau dalam politik pula saya tak pandai sangatlah,
mungkin beri duit pada yang paling tinggi pangkatnya dan pengaruhnya(penyerang) atau bagi duit kat penjaga gol pun cukup tetapi nak tau juga siapakah penjaga gol ni???
By Nothing but windAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:26 PM

Dear Tun Dr M,

The decision of the disciplinary committee recently made not only UMNO members but also made any ordinary Malaysian to feel deceived and angry. The committee assumed all of us are stupid.

The action taken against Ali Rustam and Khairy must be same since both were found guilty of money politics. Why was it Khairy found guilty but was let off the hook.

I just wonder who were the Disciplinary Committee Members. Any thinker would know that it against the justice to have 2 different treatment for similar offence.

This grave error will take until the next election to be rectified.

It is a simple mistake but caused severe damage to many.

The date of verdict and the date of election are too close for the punished to appeal.

It is better to have people with legal background as members of Disciplinary Committee.
By intannuratiqahAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:27 PM

unbelievable.
diorang tak sedar ke rakyat sedang memerhati.
kelakar pun ade jugak.
budak kecik pun boleh fikir.
peluang untuk memulihkan UMNO pergi satu persatu..
Wake up MELAYU!!!
By kekacangAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:28 PM

"Perbuatan merestui rasuah adalah satu pengkhianatan kepada bangsa Melayu dan negara Malaysia." Ya. kenyataan ini adalah benar. Tetapi, lihatlah pada zaman sekarang, mereka menganggap rasuah adalah untuk menjaga periuk mereka sendiri. Jika orang muda sekarang menganggap demikian, kita sedang mengikut cara orang Rom dahulu, jatuh kerana rasuah.
By kgboyAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:30 PM

salam Tun.....

Saya juga sudah tertanya-tanya mengapa Pemuda UMNO masih memilih pemimpin yang disabitkan rasuah. Berkenaan pengiraan undi pula, pada malam undian dikira saya pun sudah merasakan sesuatu yang pelik kerana masa yang diambil terlalu lama.

Mungkin ada pekara tersirat yang perlu Tun huraikan lebih terperinci.

Salam.....
By nemoAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:31 PM

Buat Tun & isteri yang disanjungi.....

Tiada apa lagi yg dapat dikatakan mengenai UMNO sekarang....

Didoakan semoga Tun senantiasa dirahmati Allah bersama keluarga tercinta.....

Salam sayang buat Tun & Isteri....

ps : UMNO telah bunuh semua semangat Melayu selepas pengumuman barisan korup pergerakan Pemuda tempoh hari.....
By kuyak tapihAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:33 PM

Assalamualaikum TUN,

Saya teramat kecewa dgn keputusan pertandingan Ketua Pemuda. Siperasuah menang.. perasuah jadi pemimpin pemuda, menandakan UMNO sememangnya parti yg menghalalkan rasuah. Celakalah mereka! Laknatlah mereka semua. Pengkhianat agama,bangsa, negara.Saya tidak akan mengundi UMNO lagi selagi pemimpin yg sudah terbukti melakukan rasuah. Rata-rata yg saya temui bersependapat dgn saya. Saya bukan pro pembangkang tapi apakan daya kini...SELAMAT TINGGAL UMNO>
Moga 3 pilihanraya (Bkt gantang.. Bkt Selambau..)BN akan kalah, kalah teruk, elagi dijulang pemimpin yg terbukti rasuah..KJ..KM Melaka..dn ramai lagi (cuma tidak disabitkan saja..rakyat tau)
Peganglah jawatan tinggi dlm UMNO, bak kata TUN, kalau pilihanraya kalah, bukan jadi menteri, takkan dapat kontrak lagi, jadi pencacailah dgn jawatan tsb.
Inilah sejarah pemilihan yg dahsyat dan boleh masuk Malaysia Book of Record, dlm Guinness of Record pun boleh sbb perasuah menang.. memalukan negara. kalau di luar negara, si perasuah dah lama kena sepak dan diterajang ke luar. Malaysia Boleh..boleh julang dan junjung pengamal rasuah

Buat dato Mukriz, saya amat sedih dgn kekalahan dato. Pencalonan majoriti namun undi hanya minoriti. Kalah sebab penghalalan rasuah oleh UMNO. Mereka tak BERANI BERUBAH, sbb rasuah akan jadi darah daging dlm UMNO. Buat Dato Mukriz.. bagi saya anda adalah pemenang.
By ujang_pilotAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:33 PM

Y.Bhg Tun,

Telah termaklum dan tersebar dalam akhbar satu malaya dan dah tahu KJ bersalah tapi kenapa masih ahli pemuda memilih beliau sebagai calon ketua pemuda. Saya tidak faham politik sekarang. pandangan Y.Bhg Tun Amat diperlukan.
By azlashAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:34 PM

Salam Tun

Ramai lagi yg begitu kecewa dan hampa dgn keputusan tersebut. Pemuda UMNO akan mencorakkan politik UMNO dengan rasuah. Mereka yang terlibat akan terus menjatuhkan martabat Melayu dan menjadi petualang bangsa dan pengkianat negara. Mereka lah juga yang akan menghancurkan UMNO dan negara. Lembaga Disiplin parti tidak berwibawa dan mereka inilah punca kejatuhan UMNO kerana membenarkan KJ terus bertanding walaupun didapati bersalah. Mereka tidak malu dan segan dengan keputusan mereka yg tidak adil. Mereka seolah2 takut pada Pak Lah dari ALLAH. Mereka tidak takut di akhirat kelak mereka akan di persoal kerana ketidak adilan mereka.
Ini lah pemimpin Melayu masa kini, bila Melayu lain sibuk berusaha meningkatkan taraf kedudukan Melayu, Pemuda UMNO pula menghancurkan martabat Melayu. Tidak hairan lah nanti Melayu akan terus di hina dan di perkotak katik kan. Bila benteng pertama Lembaga Disiplin tidak dapat menafikan KJ untuk bertanding, pengiran undi selama 6 jam yg mungkin menafikan kejayaan KJ menang juga gagal berbuat demikian.
KJ dan kuncu2nya harus di baling dengan kasut atau telur busuk...senyum lah dan bergembiralah wahai KJ dan kuncu2 perasuah pengkhianat dan petualang agama bangsa dan negara....senyuman dan kegembiraan kamu semua adalah titik permulaan kepada jatuhnya satu bangsa dan negara yg suatu ketika dulu di kagumi dunia...sesengguhnya kamu semua adalah lebih teruk dari ABI....

Take care Tun
By munirabAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:35 PM

Saya pun hairan juga...sampai begitu lama nak kira...Of all the UMNO members that I know. I think KJ has spoil it worse than anyone before. It has been known that he is one of the key factor in the outcome GE12.

I guess money is everything...
By ZolkifliAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:35 PM

Salam Tun,
Saya memang bersetuju dengan alasan ketidakhadiran Tun diPWTC. Kemenangan perasuah dalam Pemuda UMNO adalah suatu kesilapan and ini akan menghancurkan UMNO.

Keputusan untuk memberi laluan kepada perasuah untuk bertanding ada lah tidak adil sama sekali.

Walaubagaimanapun, saya rasa pucuk pimpinan mempunyai tugas yang berat dan tidak boleh jadi Mr. Nice Guy lagi.

Wasalam,
Zolkifli Bidin
By AMiNAuthor Profile Page on March 27, 2009 6:37 PM

Salam Tun,

1. Mulanya saya berasa amat terkejut dan dukacita dengan kemenangan Khairy.

2. Saya fikir ramai pemerhati di luar UMNP amat kecewa dengan tindakan kurang bijak perwakilan pemuda yang memilih perasuah sebagai ketua.

3. Tindakan ini amat memalukan Pemuda dan sekaligus mengaibkan UMNO sendiri.

4. Ramai orang kata apa salahnya kita memberi peluang kepada Khairy membuktikan kebolehannya. Lagipun beliau sememangnya dilihat sebagai seorang pemimpin yang berkarisma, berkebolehan dan berani terutamanya ketika berhadapan pembangkang.

Saya menanti berita di TV. Tetapi apabila sehingga Jam 11 mlm keputusan masih belum diumumkan, saya pasti sesuatu yang di luar jangkaan telah berlaku. Dan betul, kiraan undi telah dilakukan semula, malah mengambil masa lebih lama dari undian pertama.

Nampaknya antara syarat Pak Lah untuk berhenti ialah supaya KJ jadi Ketua Pemuda, walau dgn apa cara sekalipun!
Ketua pemuda dari N.S mengaku pada k.pemuda saya bhw KJ masih tabur duit pada pagi pemilihan tersebut!

Sabarlah Mukhriz, Allah pasti membantu pemimpin yang bersih & berjuang dgn ihklas.

Tahniah Perwakilan Pemuda Umno Malaysia yang rasuah sekalian! Semoga kehidupan anda semua tidak diberkati malah dilaknat Allah S.W.T!

P/s : Alhamdulillah Shahrizat tidak lupa diri & mengenang jasa Tun. Tahniah Muhhiyidin!

SPRM PATUT AMBIL TINDAKAN PADA PERASUAH TERKENAL YG TERLEPAS HUKUMAN INI, JGN TAKUT PAK LAH DA PENCEN!
By zhafranAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:38 PM

Betul tun,

saya sgt teruja untuk menyokong kembali umno selepas pemilihan. tetapi bila si KJ naik jd ketua, sy sgt berat nak menyokong apatahlagi menguatkan umno. sbb nanti saham KJ naik kalau umno kembali kuat. padahal dia bukanlah aset dalam umno. mcmmana tun. apa yang harus kami lakukan. sokong umno atau perhatikan sahaja.

Saya harap lembaga disiplin kaji balik kes KJ tu. semoga kemenangan ditarik balik. nak beli surat khabar pun tak sanggup sbb malas nak tgk muka ketua pemuda umno malaysia.

Saya ingatkan perjuangan tun dah selesai selepas pemilihan ni, tapi nampaknya tak selesai lagi. semoga sihat tun.
By ImranAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:39 PM

Salam Tun,
Saya amat bersetuju dengan pandangan Tun. Saya sendiri merasa amat sedih kerana Pemuda UMNO masih terus memilih KJ sebagai ketua mereka. Lembaga disiplin telah mensabitkan bahawa beliau telah merasuah dalam pemilihan kali ini, tapi masih membenarkan beliau bertanding untuk pemilihan yang sama. Maksudnya, pemilihan tersebut telah diakui telah dirasuah.
Nampaknya, UMNO masih tetap berada ditahap yang amat hina pada pandangan rakyat. Tetapi, tidak mengapa, ujian pertama untuk Umno tak begitu lama lagi. Kita lihat apa yang akan berlaku pada pilihanraya kecil nanti.

Syarikat Pembenaan Fajar(Rembau)Sdn Bhd telah ditukarnama kepada Fajarbaru Builder Sdn Bhd pada 24hb Mac 2008.
By srszAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:40 PM

Salam Yang Saya Muliakan Tun

Sebagai seorang anak melayu, teramat sedih nya melihat apa yang berlaku kepada pemuda UNMO. Secara terbuka dan iklasnya menghalalkan politik wang. Ini adalah detik permulaan keruntuhan nilai moral pemimpin melayu. Ini adalah permulaan detik rosaknya akidah orang melayu yang senang di sogok untuk mendapat sokongan.

Wakil-wakil yang memilih Ketua Pemuda UMNO telah membuat keputusan untuk memilih seorang pemimpin masa depan yang secara terang akan membawa kepada kehancuran anak bangsa melayu kerana prinsip hidup nya yang mengunakan wang semua boleh dicapai.

Kata-kata Tun amat sedih dan dengan merendah diri tidak dapat menerima apa yang berlaku. Saya amat terkilan ketika mana Tun memimpin negara kearah satu kejayaan yang amat saya banggakan, malang sekali ianya hancur lebur oleh satu gabungan bapa dan anak menantu.....apa yang berlaku perlu diperbetulan dengan segara!!!!!!

srsz
By godisunoAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:40 PM

ye. saya juga berasa amat sedih atas apa yang berlaku. Kiranya benar kemenangan KJ adalah melalui kiraan undi yang betul, maka ini menunjukkan bahawa Pemuda UMNO yang merupakan barisan pelapis UMNO lebih mementingkan kebendaan dan bukan perjuangan sebenar. Mereka telah melantik orang yang didapati bersalah mengamalkan rasuah. Jangan hairan jika selepas ini rakyat akan menolak UMNO secara besar-besaran di dalam PRU yang akan datang. Apabila KJ hanya diberi amaran kerana rasuah, ini menunjukkan bahawa UMNO bukanlah parti yang adil dan bersih.
By HanudsAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:40 PM

Salam Tun!

1. Menang kalah memang adat pertandingan tetapi biarlah menang dengan cara yang terhormat.

2. Memang banyak yang telah diperkatakan tentang Ketua Pemuda UMNO yang baru ini. Saya selalu mengambil prinsip saya tidak mempercayai semua perkara sehingga terbukti ianya benar.

3. Pabila Lembaga Displin UMNO mendapati yang beliau telah bersalah melanggar tata etika UMNO, ianya secara langsung membenarkan yang diperkatakan oleh orang mengenai beliau. Beliau memang seorang yang tidak beretika.

4. Setelah Lembaga Displin hanya memberi amaran dan membenarkan beliau bertanding, saya cuma boleh tersenyum sinis. Orang lain kena, mengapa beliau tak kena tindakan.

5. Kesimpulan terbaik yang saya boleh buat ialah disebabkan beliau adalah menantu Presiden UMNO. Saya tak terfikir alasan lain yang lebih munasabah dari itu.

6. Setelah Lembaga Displin tidak melakukan tanggungjawab secara telus (yang selalu diuar-uarkan oleh mertua Ketua Pemuda UMNO yang baru ini), saya megharapkan yang orang ini akan dibuang seperti sampah semasa pemilihan diadakan.

7. Rupa-rupanya ianya seperti yang tidak diharapkan. Beliau sudah menyusun barisan beliau sendiri yang akan hadir membuat undian.

8. Beliau bersalah kerana rakus dalam politik UMNO. Beliaulah yang berjaya membuat UMNO itu ternampak begitu kotor.

9. Saya berpendapat Lembaga Displin UMNO lebih bersalah dalam hal ini. Jika UMNO kalah di dalam PRU13, Lembaga Displin inilah yang menjadi punca segalanya.

10. Sekarang saya tidak dapat lagi memujuk hati saya Tun. Jika dulu saya mendengar cakap-cakap sahaja mengenai Ketua UMNO yang baru ini, tetapi sekarang ibarat sudah terang lagi bersuluh.

11. Yang menyuluh ialah Lembaga Displin UMNO yang dengan bangganya mengatakan yang beliau telah bersalah dan dengan bangganya juga melepaskan beliau dari kesalahanya.

12. seperti tulisan saya yang lepas, saya tidak boleh menerima seseorang yang tidak beretika menjadi pemimpin UMNO di peringkat bawahan apatah lagi diperingkat atasan.

13. Sekarang terpulang kepada Presiden UMNO yang baru untuk membuat pembersihan. Jika tidak dilakukan, UMNO akan dibuang oleh rakyat pada PRU13 nanti.

14. Saya memberi tempoh sebulan kepada Presiden UMNO yang baru supaya menyingkirkan Ketua Pemuda UMNO yang baru ini dengan cara apa sekalipun.

15. Jika tidak, saya akan mengucapkan selamat tinggal kepada UMNO.

16. Ini bukanlah pendirian saya seorang Tun, tetapi pendirian hampir kesemua sahabat-sahabat saya yang berada di dalam UMNO mahupun di luar dari UMNO.

Saya doakan Tun & keluarga sihat sentiasa. Sampaikan salam tahniah saya kepada Datuk Mukhriz. Bagi saya beliau menang dalam perjuangan walaupun kalah dalam pemilihan. Kita hanya merancang, Tuhan yang menentukan...
By chabee8309Author Profile Page on March 27, 2009 7:40 PM

dear tun..
gossh.. i couldnt believe this either..always wanted him to win becoz i believe in ur leadership..same goes to mukriz.. how sad..
By dannalliAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:41 PM

Yes it took that long to count .... and comparing with Surpreme Council with the highest of 2259 and least of 1265 ... and 25 of them altogether, something is not right somewhere. Remember Rembau ?? A multiple recount too.
By zainnanAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:42 PM

UMNO Can Hire Magicians
UMNO cAN hIRE Magicians
UMNO Can Hire Magicians

I'm not surprised at all, for UMNO seem to have magicians exceeding
the skill of even the famous David Copperfield.

If one places the principle of "the end results justify the means" above everything (including ethic, morality and ISLAM) there isn'nt anything impossible in the life of UMNO. Tun had been in UMNO for over 22 years and I think I need not dwell on this than the necessary !

Counting about 790 votes, I could have entrusted to my daughter in standard one. It would be more ease to her if the votes are separated into 3 baskets and consequently counting the votes in each basket with the summation of all the votes in the 3 baskets to 790.

Well Tun this is the new Newton's law of gravity. If we throw something above our head, it is very probable that it may land on our head !

Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
By narizeeAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:42 PM

thumbs down to UMNO..
By doswayAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:46 PM

Ybg.Tun,

Saya rasa sangat wajar Ybg Tun tidak hadir di perhimpunan pd tahun ini.Siapa pun orang yang memegang kpd. prinsip perjuangan akan mengambil tindakan yang sama.Sesiapa pun ketua, tak kira yang lama atau pun yang baru, atau pun yang ingin menjadi pemimpin harus mengenali prinsip2 perjuangan yang luhur dan murni dan harus mencari dan mengenali maruah diri sendiri sabelum berjuang mempertahankan maruah diri orang yang kita pimpin. Ini adalah asas.Kalau kita peminpin negara jangan sampai maruah negara tercemar.Negara bukan milik pemimpin saorang sahaja...ia milik raayat semua.

Saya juga rasa terkejut apabila Ybg. Tun memberi tahu utk mengira 790 undi mengambil masa hingga enam jam lebih.Saya tidak membuat apa2 andaian tetapi ianya luar biasa kerana saya pernah terlibat dalam urusan pengiraan undi secara langsung selama 30 tahun.Tiap2 pilihan raya umum saya membuat kerja pengiraan undi dan jumlah kertas undi negeri dan parliament melebihi 20000 dan kita tak ambil masa masa begitu lama...kalau lambat pun tiga jam shj.Zaman itu bukan bukan zaman cybre pun Mungkin pegiraan undi disini lebih complex, itu saya kurang tahu.

Penilaian yg lebih teliti perlu diberi apabila memelih perwakilan diperingkat bahagian dan akar umbi.Disini jelas sekali quality perwakilan amat mengecewakan.Perlantikan mereka ini tak bolih diambil mudah..kerana akibatnya amat besar.Orang mungkin beranggapan seolah2 ahli2 yang diwakilinya pun macam dia juga..pada hal saya rasa banyak ahli2 terdiri drp interlek yang sangat kecewa dgn tindakan

macam ini.Saya sangat setuju supaya pemilihan dibuat olih tiap2 ahli...bukan diwakili spt. ini.

Saya berdoa kpd.ALLAH supaya semua org melayu raayat malaysia dibuka hati dan minda supaya lebih bijak berfikir kearah perjuangan yg benar....dan hindarlah kita semua dari politik wang kerana ia amat bahaya.Assalmmulkum Ybg.Tun, agar Tun mendapat ketenangan dlm apa situasi sekali pun..Amin.
By zainnanAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:47 PM

UMNO Can Hire Magicians
UMNO cAN hIRE Magicians
UMNO Can Hire Magicians

I'm not surprised at all, for UMNO seem to have magicians exceeding
the skill of even the famous David Copperfield.

If one places the principle of "the end results justify the means" above everything (including ethic, morality and ISLAM) there isn'nt anything impossible in the life of UMNO. Tun had been in UMNO for over 22 years and I think I need not dwell on this than the necessary !

Counting about 790 votes, I could have entrusted to my daughter in standard one. It would be more ease to her if the votes are separated into 3 baskets and consequently counting the votes in each basket with the summation of all the votes in the 3 baskets to 790.

Well Tun this is the new Newton's law of gravity. If we throw something above our head, it is very probable that it may land on our head !

Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
Sayonara Dolah
By aahAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:49 PM

Salam Tun,

Saya berada di PWTC bersama Dato Mokhzani dan penyokong Mukhriz,kami dimaklumkan bahwa Dato Mukhriz menang dengan majoriti 12 undi dan kami bearak dari tingkat 4 ke Dewan.Sampai di dewan ada berita mengatakan undi dikira semula dan kami tunggu hingga jam 12 malam,bila pengerusi tetap buat pengumuman dia kata KJ menang dan tak bagi tau berapa jumlah undi.

Kalau tanpa campur tangan pihak polis rusuhan pasti berlaku.

Sah sekarang manusia perasuah nombor wahid akan jadi PERDANA MENTERI MALAYSIA TERMUDA.
By waja64Author Profile Page on March 27, 2009 7:49 PM

tahniah kapada khairy. mukhriz bukan kalah semua.dia masih ada peluang lagi.rasuah atau tidak kami rakyat tidak dapat confirm.hanya beberapa pihak tertentu saja yang tahu.anyway i congratulate khairy again for his success n hard work which mentioned by his dad in law.racial issue tidak boleh digunakan lagilah.wish u a good health TUN.
By MelayuJatiAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:50 PM

Assalamualaikum Tun, this is the topic I've been waiting for.

Ya saya dengar banyak duit Khairy bagi kat perwakilan pada malam sebelum Pemuda mengundi. Patut dia boleh menang.

Saya seperti orang lain juga rasa runtuh punah ranah dah UMNO tercinta ni dek kerana Khairi naik. Yang saya dengar Mukhriz tak bagi seduit pun kat orang. Semua kerja LillahhiTa'ala.

Mukhriz patut menang.

Begitu juga perwakilan lain. Yang puteri sampai 6 orang nak lawan sekali. Letak monyet pun dia boleh bertanding.

Shahrizat saya dengar dia dah guna duit peruntukan sebagai menteri dah bela Ketua Wanita Bahagian seluruh Malaysia. Bawa mereka jalan2 ke luar negara. Bukan nak buat program bantu rakyat. Sudah semestinya Ketua Wanita Bahagian ni termakan rasuah dan undi dia.

MT UMNO banyak menteri, timbalan menteri dan bekas menteri. Apa cerita? Depa ni dah ada pengaruh. Buat apa susah2 nak jadi MT? Dah pangkat menteri dah. Bagi la pemimpin bawahan ni merasa jadi MT. Saya juga dengar Azeez Mamak tabur duit serupa bagi ayam makan dedak. Pastu para perwakilan pula demand sapa yang bagi duit banyak kami undi depa. Waaah saya pun nak jadi perwakilan. Boleh jadi juwatan segera.

Apa nak jadi ngan UMNO ni??????

Saya nampak la satu2 jalan ialah Najib kena jadi Cengei. Jadi garang. Najib kena arahkan Lembaga Disiplin dan BPR siasat. Sapa yang terlibat rasuah, ditendang dari jawatan dia.. Lepas tu barisan Najib kena terdiri dari pilihan Bahagian.

Cara pemmiihan tak boleh letak kat Perasuah di G7 saja. Sepatutnya yang mengundi di Cawangan dan Bahagian seluruh Malaysia, kumpulkan undi depa dan sapa terbanyak dia terpilih.
By adamzulkifleAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:50 PM

amat amat sgt bersetuju dengan sebab kenapa tun tak hadir
By anak MalaysiaAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:51 PM

YBgh Tun

Saya sokong kita tangkap saja perasuah kalu agensi penguatkuasaan dah tak kuasa nak buat apa2. Telah didapati BERSALAH dangan RASUAH!! apa ke bende ni?? APa ke bende???

Buat malu bangsa aku kat rakan bangsa lain ajer...ptuihhh
By uncle deeAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:51 PM

Dear Tun

Please tell DSN not to appoint KJ as a Minister in the new cabinet line up. If not, good news for PR and Be End for BN.
By hamzah_Klang_Ipoh_ExpressAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:52 PM

Pemilihan telah dibuat. Adat bertanding ada yang menang dan ada yang kalah. Saya sendiri merasa kecewa dengan keputusan pemilihan Pemuda UMNO. Kita boleh mula menyalahkan semua pihak, Lembaga Disiplin, Perwakilan Pemuda, dan calon Ketua Pemuda yang menang.
Bagi saya untuk protes sekarang adalah sudah terlambat. Protes yang bersungguh-sungguh patut telah dilakukan sebelum pemilihan. tetapi adakah disebabkan ada pihak yang 'over confident' dan menjangkakan orang yang menang itu sepatut nya akan kalah, maka protes yang bersungguhan tidak dilakukan. Mungkin kerana ingin memalukan beliau dengan memberi kekalahan semasa pertandingan. Nampak nya rancangan itu tidak berjaya dan gagal sebenarnya. Jangan lah dah kalah baru nak protes. Bagi saya itu tak betul. Lihatlah dan kajilah kepada kesilapan sendiri. pertandingan tiga penjuru, 2 calon

yang lain diberitakan menyerang antara sendiri, dengan tak disedari telah memberi kemenangan kepada calon yang ketiga. Jadi sebenar nya, siapakah yang telah menghampakan harapan ramai orang di luar dan juga didalam UMNO dalah hal yang telah berlaku ini. Tindakan yang tidak bijak telah membawa kepada kehampaan kepada calon sendiri, majoriti ahli Pemuda UMNO, majoriti ahli UMNO dan juga majoriti orang ramai. Calon dengan undi minoriti telah menang, sebab walaupun undi nya minoriti, bilangan undi nya adalah yang terbanyak dibandingkan dengan calon lain. Kita tak ada sistem Pemilihan Pusingan Kedua, kalau tidak dapat 'outright majority', pilih sekali lagi setelah disingkirkan calon yang tercorot. Sistem kita hanya SATU Pertandingan sahaja, undi terbanyak, dialah yang menang. Itulah demokrasi dalam sistem yang kita ada sekarang ini, suka atau tidak, kita terpaksa terima, atas sebab tindakan kita sendiri. Itu pandangan saya. Mohon maaf kalau ada yang tak setuju.
By blink4blogAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:54 PM

brilliant sir.

i am so surprised to read Pak Lah speech in the assembly while his SIL been elected after been given WARNING.

to be honest, if someone being caught with evidence as corrupted, what sort of punishment as been warned?

warning means did or did not bribe?

if bribe why not been punished? bribe alot and bribe less also bribe

it's over sir.... it's over
By farrizahmadfathanAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:55 PM

Salam Tun,
Marah, sedih dan kecewa. Itulah perasaan kebanyakan rakyat Malaysia apabila mendapat berita tentang kemenangan beberapa orang individu dalam pemilihan UMNO. Oleh kerana mereka yang terlibat dalam politik wang adalah ramai dan telah lama menjadi amalan dalam UMNO, usaha untuk membersihkan UMNO tidak dapat dilakukan dalam masa yang singkat.Walaubagaimanapun, keputusan dalam pemilihan UMNO amatlah diharap dapat memberi isyarat kepada rakyat bahawa UMNO benar ikhlas ingin berubah. Tapi sayang seribu kali sayang, tanda-tanda yang amat diharapkan oleh kami, tidak kelihatan. Bahkan, ianya memperkuatkan lagi tanggapan rakyat bahawa UMNO ialah sebuah parti yang dipenuhi dengan perasuah.
Apakah yang patut kami buat sekarang ini? Harapan yang satu-satunya untuk merasa bangga dengan parti melayu yang terunggul di negara ini, telah hancur. Apabila UMNO dianggap sebagai parti perasuah, sekali gus bangsa melayu juga dianggap sebagai perasuah.

What UMNO does reflects on the entire malay race. Apabila UMNO memilih pemimpin yang korup, bangsa melayu juga dianggap sama saja. Saya telah bosan dengan persepsi yang bangsa melayu ini boleh dibeli dengan duit.Even the expats working in this country thinks the malays can be bought. Harapan terakhir rakyat bergantung 100% pada tindakan Datuk Seri Najib untuk memilih mereka yang jujur dan ikhlas sahaja menyertai kabinetnya. Marilah kita berdoa kepada yang Maha Esa supaya Perdana Menteri yang akan datang ini tidak mensia-siakan peluang terakhir dan juga harapan rakyat Malaysia.
Semoga Tun dan Keluarga selalu sihat sejahtera
By AyoiAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:55 PM

Salam Tun dan para pembaca budiman,

1. Saya berpendapat kebanyakan orang yang mengikut rapat perkembangan UMNO terutamanya pertandingan Pemuda UMNO ini, juga berasa hairan akan sebab musabab atau bagaimana Menantu boleh menang dengan jumlah undi yang agak banyak berbanding pencabarnya.

2. Apakah terlalu sukar untuk mengira jumlah keseluruhan undi yang tidak sampai pun 800 serta mengambil masa sehingga 6 jam

3. Kenapakah Lembaga Disiplin UMNO mengamalkan double standard

4. Setelah kepastian akan kemenangan Menantu ini, saya bertambah gusar setelah terdengarnya khabar angin akan perihal terdapatnya arahan saat akhir untuk TS Muhyiddin juga untuk kalah. Alhamdulillah keputusan sebaliknya terjadi

5. Dapat dilihat akan air muka Menantu yang berubah apabila Naib Ketua Pemuda yang dipilih bukan merupakan Naib Ketua pilihan menantu

6. Nampaknya mood pengundi telah kembali berubah. Saya sama sekali tidak akan terkejut. BN boleh mengucapkan selamat tinggal kepada kerusi Bukit Gantang dan Bukit Selambau. Walaupun peralihan kuasa pucuk pimpinan UMNO telah selamat dilangsungkan, akan tetapi rakyat kebanyakan masih lagi terguris dengan gelagat Pemuda yang lebih mementingkan duit ringgit daripada maruah agama, bangsa dan negara.

7. Kalah menang adalah adat pertandingan. Akan tetapi adalah sesuatu yang sangat-sangat meragukan bagaimana Menantu boleh menang.

8. Hanya satu harapan saya agar Presiden UMNO yang baru yang bakal dinobatkan Perdana Menteri Ke-6 dapat melakukan sesuatu. Janganlah diberikan jawatan kabinet di kementerian strategik.

9. Sesungguhnya perjuangan kita belum selesai (air mata saya tetap mengalir tanpa kawalan apabila membaca bait-bait puisi nukilan Tun)

10. Apakah Temasek akan semakin dan terus berleluasa?
By theghostAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:55 PM

Salam TUN,

Sekiranya ada orang yang ANTI MAHATHIR baca komen Tun d atas, mereka akan cakap Tun buat semua sini pasal anak Tun kalah atau mungkin macam2 lagi alasan dan dakwaan yang mereka akan cakap. Menang kalah tu biasalah adat. Tapi kalau kalah cara macam dakwaan Tun, memang tak bestla. Kalah pulak dengan menantu Presiden.

Daripada mula memang saya jangka Mukhriz boleh menang berdasarkan pada jumlah pemilihan. Tapi bila umum saja, keputusan amat mendukacitakan. Kenapa? Mungkin benar dakwaan Tun, Khairy mungkin menggunakan kuasa wang untuk mempengaruhi para perwakilan(yela masa kira undi 6jam).Macam2 benda bleh jadi.Skang benda dah jadi.

Jadi untuk Mukhriz, sabar n usaha lagi n jangan putus asa. Keja lebih kuat untuk anak bangsa dan negara BUKAN untuk parti saja. Insyaallah kami akan sokong anda. Harap Mukhriz mewarisi sifat2 kepimpinan Tun.

Yang penting skang ni, Tun n family jaga kesihatan elok2, lain tahun Tun p supaya benda yang sama dapat d halang. Saya sokong TUN n MUKHRIZ FOREVER!!!!

ANAK JATI KUBANG PASU.
theghost
By sikenitAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:57 PM

Salam Tun and all,

1. Pemuda UMNO is but one of the wings of UMNO but it is the most highlighted. Being KETUA PEMUDA

thus gave the number one man access to much publicity.

2. DSN knows the perception problem faced by UMNO, and current situation is certainly not helping him to project a better image of the party.

3. Only one avenue left for DSN, Don't give any posts to KJ.

Salam TUN and all, Jaga Diri Jaga Solat. May Allah have mercy on us all.

-si kenit-
By Pak DuqunAuthor Profile Page on March 27, 2009 7:58 PM

Pertamanya, saya mengucap tahniah kepada Khairy Jamaludin yang telah berjaya memenangi jawatan Ketua Pemuda Umno dan keduka-citaan saya kerana Tun tidak dapat meluangkan masa untuk hadhir pada perhimpunan Agung Umno baru-baru ini.

Pak Dukun amat tahu perasaan Tun dan yang lainnya yang benar-benar menghasratkan satu keputusan pemilihan yang positif yang kemudiannya akan dapat menawan semula hati sanubari para p engundi yang amat benci akan imej umno dewasa ini. Lihatlah bagaimana angkuhnya Khairy Jamaluddin ketika berada dipentas mendabik dada akan kemenangannya.

Namun demikian, kita tidak bolih berlaku tidak adil kepadanya kerana beliau terlalu muda dan tidak mempunyai kematangan perjuangan umno itu sendirinya.. Pada pandangan Pak Duqun, beliau terlalu pantas naik memandankan adanya kuasa yang menyokongnya. Namun demikian, Pak Duqun dapat melihatnya sebagai seorang tokoh yang berwibawa dan beliau merupakan seorang pemimpin Melalyu pada masa yang akan datang. Terlalu awal untuk memberikannya kuasa untuk menentu tuju hala negara yang sebenarnya. Pak Duqun dapat melihat kepimpinan yang amat tinggi mutunya dalam diri Khairy itu sendiri. Adalah tugas para Veteran untuk permulaannya mendidik dan memberi latihan-latihan apa saja tentang Etika UMNO agar kita dapat melihat bakat pimpinnya digunakan 10 tahun dari sekarang. Beliau harus diasuh, ditenteramkan jiwanya agar menjadi lebih sejuk kerana Pak Duqun dapat melihat beliau adalah salah seorang tokok pemimpin yang amat berwibawa ! Didikk dan asuhlah dia! Salam-Pak Duqun.
By muhamad othmanAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:00 PM

Salam Tun,

Apa yang boleh kita lakukan Tun?

Sudah terang lagi bersuluh..si perasuah menang. Menang macam mana..tentulah hasil usaha yang dilakukan dengan menabur wang rasuah.
Saya berpendapat, cuma apa yang boleh dilakukan sekarang terletak di tangan bakal presiden UMNO yang baru. Apabila sudah disahkan jawatan sebagai PM, pastikan siperasuah itu tidak diberikan jawatan Menteri, dikhuatiri makin tumbuh subur lagi rasuah dalam UMNO (itu pun kalau Najib betul2 berani lah..Najib memang diketahui suka MAIN PLAYSAFE..)Kalau tidak dibuang kanser rasuah ni, saya pasti pilihanraya akan datang, UMNO cuma dapat dibaca dalam buku sejarah dan saya akan pastikan adik beradik dan keluarga saya tak mengundi BN atau Pembangkang cuma protes undi rosak saja seperti pilihanraya dahulu. Kalau najib buat seperti yang dikatakan diatas, undi saya sekeluarga akan kembali ke BN ..insyaAllah..

masalahnya dalam UMNO, rasuah mesti diterima kerana UMNO bermaksud.. U Must Not Object..jadi kena terimalah duit rasuah yang orang beri ..Betul ke?

kita sama2 tunggu dan lihat apa yang najib akan buat..mudahan2 beliau ada KEBERANIAN..

Wasalam..
By miniclubmanAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:02 PM

Adalah penentuanNYA untuk dia menang malam itu. Mungkin kegembiraannya hanya seketika? Musibah besar yang bakal menimpa dia mungkin mengnyahkan dia terus dari arus perdana politik negara ini selama-lamanya. Kalau dah muda macam ni 'perasuah' dah naik meningkat umur apatah lagi. Harap ada pejuang yang berani ' merepot' kan kepada Lembaga Disiplin dalam masa terdekat.
Mungkin dengan menangnya itu membolehkan Mukhriz dilantik didalam barisan kabinet? Sebab beliau telah memberi syarat sekiranya beliau menang Ketua Pemuda , beliau tidak akan menerima sebarang jawatan di dalam kabinet. Terpilihnya orang-orang berintegriti dalam barisan kepimpinan yang tidak melibatkan ahli MT itu sendiri?
Percayalah Tun ramai orang seperti kami diluar ini yang masih setia tanpa berbelah bagi terhadap parti tercinta ini. Tidak pernah merasa pun duit UMNO, tidak mencari makan pun dengan UMNO.

Just wait and see his fate in days to come!!!!!!
By miniclubmanAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:03 PM

Adalah penentuanNYA untuk dia menang malam itu. Mungkin kegembiraannya hanya seketika? Musibah besar yang bakal menimpa dia mungkin mengnyahkan dia terus dari arus perdana politik negara ini selama-lamanya. Kalau dah muda macam ni 'perasuah' dah naik meningkat umur apatah lagi. Harap ada pejuang yang berani ' merepot' kan kepada Lembaga Disiplin dalam masa terdekat.
Mungkin dengan menangnya itu membolehkan Mukhriz dilantik didalam barisan kabinet? Sebab beliau telah memberi syarat sekiranya beliau menang Ketua Pemuda , beliau tidak akan menerima sebarang jawatan di dalam kabinet. Terpilihnya orang-orang berintegriti dalam barisan kepimpinan yang tidak melibatkan ahli MT itu sendiri?
Percayalah Tun ramai orang seperti kami diluar ini yang masih setia tanpa berbelah bagi terhadap parti tercinta ini. Tidak pernah merasa pun duit UMNO, tidak mencari makan pun dengan UMNO.

Just wait and see his fate in days to come!!!!!!
By Malik MalbariAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:05 PM

Assalamualaikum Tun,

Sedih Rasanya dgn apa yang telah berlaku. Pemuda sedang berlumba2 untuk mengkuburkan UMNO. Dalam Ucapan Dato Najib yg lepas dia minta saf kan kepadanya pemuda.... Apa yang ada, Pemuda Rasuah. Tapi Tun... bila dah akhir zaman ni, memang ada di ajar oleh alim ulama, akan berlaku satu zaman bila manusia sudah mula hilang pedoman mereka akan menuju kerosakkan walau pun yang mengajak itu ada tertulis "KAFIR" di dahinya. Nauzubillah min zaliq.....
By JoeBOPAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:05 PM

Dear Tun Mahathir Sir,

Do you think this is the end of UMNO?

Heartbroken and dissapointed,
JoeBOP
www.joebop.com

By ddrdAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:05 PM

Asslm'kum Yg Bhg Tun just like you , im also upset because Mukriz lost when the voice of grassroot was not endorsed by pemuda.By right they should go out there and cast their vote honestly instead of selling their soul. im saddened and worried for UMNO,i couldnt sleep the whole night.Than KJ brags that he only spent rm 300, he is not only perasuah ternama but also a known crook who with the help of MOF and his people planted there,one of whom has been suspended steals projects in broad daylight.Kalau dia tahu malu he shud resign after seeing the Main UMNO RESULT.

But dont worry TUN what you did by not attending was the right thing to do . I guess as much YOU will do that.
Warmest Regards& Wasallam
By johncap malayaAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:07 PM

Salam Tun,

Moga Tun suami isteri berada dlm keadaan sihat.

Terbukti la sudah yang Bahtera UMNO akan karam. Karam bukan dek ribut taufan.... tapi akibat orang yang duduk dalam bahtera yang "haus" dan "dahaga" megorek lantai bahtera utk mendapatkan air.

Tak kira la betapa handal nakhoda..... kalau mcm ni la ceritanya.... dengan nakhoda dan kuncu2nya akan karam.

Anak cucu kita satu hari nanti tentu akan membaca sejarah tentang kewujudan UMNO macam ujudnya parti2 dan persatuan lain yang dah lama hilang.

By OumonoAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:07 PM

Inilah saat-saat kejatuhan UMNO. Mari kita ingat tarikh-tarikh ini semoga kita tidak melakukan kesilapan yang sama di masa hadapan.

Hazman Abu Bakar
By mytpeAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:08 PM

KJ tidak menang support in total. 486 yg tak soong dia berbanding vote yg dia dapat. Saya harap Najib tak beri jawatan pada si perasuah ini.
By DatukcarlosAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:08 PM

Hello Tun, Sedihlah, sedih sekali. I share your opinion Tun, Sama sama bersalah, satu boleh tanding dan satu tidak dibenarkan, it looks like the biggest joke of the century. On the so called victory of KJ its another big joke? I am inclined to doubt the wisdom of the pemuda delegates or they are voting KJ because of rasuah? Or is there an upper hand in this game and created a set up? Like you said, Tun, it took them 6 hours to count 790 votes. Funny, but its true. Whats so great about OXFORD which KJ always refers himself? We the people from Sabah are all OXFORD graduates before Sabah joined Malaysia. The OXFORD University offered the Junior and Senior Cambridge examinations in North Borneo(Sabah). I don't believed KJ is a capable man and I don't find him bright or outstanding. I really hope the new PM will not include him in his new cabinet. It will be a shame if he is included as Malaysia has so many thousand leaders that are much better than him. I think Tun will agree with me on these points. Thank you Tun
By rarunasalamAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:08 PM

Tun

when corruption was rife during your time in UMNO and money politics was even more apparent, why did you not make it a point to attend the summits? Guess at the time, those people playing the politics were more aligned to you eh?

Will you please stop being a hypocrite and your pretence?

(Ravi)
By Gary2818Author Profile Page on March 27, 2009 8:10 PM

Selamat senjahtera Ayah,

Pada pendapat saya sebenarnya politik itu kotor,namanya perjuangan untuk rakyat,bangsa,agama dan negara.tetapi.....untuk diri sendiri,keluarga dan saudara- mara.

Ayah jangan merasa sedih apa yang berlaku kemahrin,dan saya yakin Mukhriz akan kembali.....

Sekian salam hormat.

Gary
By sanjyrAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:13 PM

Tun,

I am all with you. It is so obvioius that certain quater is practising money politics yet they get the blessing of others.. I guess they are the "Penderhaka"..
Will You not agree with me Tun?

Sanjay
By armaAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:16 PM

Hairan juga. Atas dasar apa Pemuda memilih ketuannya. Nampaknya org Melayu senang dibeli dgn wang.
By FuyohAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:18 PM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh
Yang Amat Dihormati Dan Disanjungi,
Tun Dr. Mahathir Dan Keluarga.

1. Sabar Tun, Datuk Mukhriz adalah pemimpin Pemuda UMNO akar umbi.

2. Saya juga sangat sedih dan menangis bila diumumkan Khairy menang. Saya malu mengaku bahawa saya anak jati Negeri Sembilan.

3. Tentang rasuah Pemuda dikhabarkan akan ada laporan polis terhadap Khairy berkenaan dengan RM 10,000.00 'corpse bombing'. Kami pon muak dengan sikap Khairy.

4. Rata - rata sahabat saya yang masih dalam Pemuda juga telah nekad untuk keluar parti kerana kejadian - kejadian aneh yang berlaku di sekeliling Khairy.

5. Tentang pengundian juga mendatangkan kemusykilan yang jelas ternyata ada komplot berlaku di sana.

6. Maka saya dengan ini mengishtiharkan bahawa keluarga saya bukan lagi keluarga UMNO. Keluarga saya hilang keyakinan terhadap PEMUDA UMNO.

7. Saya yakin lebih ramai akan mengambil tindakan sedemikian. Apatah lagi kalau orang kuat UMNO seperti ayah saya kini jauh hati dengan UMNO?

8. Rakan - rakan saya yang lain sudah kecewa walaupun Tan Sri Muhyiddin Yassin menang jawatan Timbalan Presiden. Apa gunanya kalau pemimpin pelapis (PEMUDA) dikuasai oleh golongan perasuah dan kaki samseng?

9. Sekali lagi saya amat malu mengaku sebagai anak jati Negeri Sembilan dan amat malu duduk di saf jemaah UMNO.

10. Saya dan rakan - rakan kini menanti saat penubuhan parti baru atau naiktaraf PERKASA sebagai

parti politik. Saya akan sertai dan rela menjadi barisan pejuang menentang UMNO sehingga UMNO diputihkan!

11. Salam perjuangan dari kami di FELDA Bukit Sagu 01, Kuantan.

Sekian, semoga kita cekal berjuang hingga ke titisan darah terakhir.

HIDUP MELAYU!
By SayfAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:21 PM

Tun,

I think this is a very valid point. In the spirit of reforming UMNO, consistancy and getting the best team to represent our interests, i think PEMUDA UMNO and UMNO itself must clarify the issue on why this has been allowed to happen.
By sarawakianAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:24 PM

Salam Tun,
Saya tidak faham kenapa Lembaga Disiplim UMNO membenarkan KJ bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO. Pada hakikatnya, Kalau dah didapati Bersalah dan Perasuah, HUKUMAN NYA sama saja.!! PERASUAH juga nama nya.!! Adalah orang itu nak jadi PM TERMUDA Di dunia. Hampeh!! Boleh P la Mabuk!!!
By DiitdpmAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:28 PM

Oh begitu rupanya...tak pa lah Tun saya sokong Tun dalam apa saja Tun lakukan...
By Ali BabaAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:28 PM

Tun,

Dato Mukhriz kena study 'jual beli suara' di UMNO College..... supaya tak tertipu.....
By pakaiakaiAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:29 PM

Salam Tun,

Mereka menyangka rakyat Malaysia kebanyakannya tak nampak permainan kotor mereka.Mereka sangka dengan terpilih menjadi ketua dan menggunakan laungan yang berkobar kobar dapat menawan hati rakyat.

Kemanakah arah tuju Malaysia?
Saya dah bosan,jijik dan mual dengan politik Malaysia.

Salam
By heicalmyAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:30 PM

Salam Tun,
Sokong habis Tun, macam ini macamana hendak masuk jadi ahli.
Biarkan Pak Kadok naik junjung kita tengok sampaimana hendak duduk dijunjung.
Tun mesti terus menulis blog ini.Lemparkan terus segala kritikan & biar apa pun orang kata kami sokong Tun.

By NoraAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:30 PM

Assalamualaikum wbt Tun & semua,

Memang patut sangat Tun tidak hadir ke majlis itu, saya sokong malah saya pun rasa malu kalau Tun pergi ke majlis seumpama itu. Busuknya akan terpalit kepada Tun. Mana pergi perjuangan dan azam dah

misi UMNO, Ketua Pemuda UMNO yang sememangnya telah nyata terbukti terlibat politik wang, menang... di manakah maruah pemuda UMNO, menolak kebenaran demi kerana wang. Saya malu Tun kepada kawan2 saya yang bukan Melayu, bila mereka anggap Melayu telah desperate, seoalah hilang punca. Saya pasti ramai yg berdukacita dengan kemenangan pemimpin/calon yang terlibat dengan politik wang, contohnya Ketua Pemuda UMNO baru ini... apa jasanya kepada rakyat, kepada UMNO, umur baru setahun jagung tetapi kerana beliau menantu PM terus melompat tanpa mengira etika. Tun, saya menangis kesal mendapat berita kemenangan yang tidak adil & tidak jujur seperti itu. Jika pelajar yg hendak ke luar negara dihantar ke KEM BTN untuk membasuh minda kami, kononnya kami taat setia kepada negara dan pemimpin, apakah tiada kem seumpama itu untuk pemimpin UMNO, membasuh minda & menyucikan diri, ingat kepada asal perjuangan parti, demi agama bangsa dan Negara, kembali ke pangkal jalan, berlandaskan pegangan agama dan perjuangan Melayu. Memang wang adalah kuasa tapi janganlah kerana rakus dengan kuasa dan wang masa depan negara diperjudikan ke tangan orang2 yang memang perasuah. Kenapa masih belum celik mata buka minda dan gunakan otak yg bijak ke arah kebaikan bukannya menjadi pemimpin yang kotor & tercemar? Kerana kami sayangkan negara Malaysia tetapi jika pemimpin bermain politik kotor & busuk, di manakah kami mahu letakkan kepercayaan kami. UMNO yang semakin lemah mungkin rebah jika perasuah2 ini terus nanti berada dalam kabinet. Dan tercapailah cita2 Pak Lah meninggalkan kerusi PM dengan menaikkan menantu. Kepada Pak Lah, "terima kasih", seolah Malaysia adalah kepunyaan keluarga beliau, bukan milik kami...janganlah jadikan amalan menaikkan sanak sedara seolah2 negara ini kepunyaan seseorang. Malaysia adalah negara kami, rakyat Malaysia, kami berhak memilih tetapi bukan dengan cara politik kotor & busuk. Jijik saya bila pemimpin bercakap menentang rasuah tetapi praktikalnya mengamalkan rasuah terang2an. Saya rakyat Malaysia dan sayangkan negara dan tidak rela melihat Malaysia dan bangsa Melayu khasnya tersungkur kerana pemimpin yang perasuah, busuk, tercemar dan memerintah negara. Tun! Kami menunggu seorang lagi Tun Dr M di dalam politik Malaysia untuk memulih imej Melayu, imej UMNO, imej Malaysia. Dulu saya rasa "besar & setanding" berjalan ditengah2 negara orang, tetapi kini rasanya semakin kerdil kerana malu dengan keadaan politik Melayu & UMNO di Malaysia...
By emperor81Author Profile Page on March 27, 2009 8:32 PM

Assalamualaikum Tun

May Allah bless u & ur family
By mukah76Author Profile Page on March 27, 2009 8:33 PM

Greetings Tun,

I have been an admirer of your blog since it first started but have refrain from leaving comments as I feel that I should keep my opinions to myself. I have been waiting for Tun to update Tun's blog on the above subject as after reading it, I just had to leave a comment agreeing to what you have written in your blog. Although I am not a member of UMNO youth as I am not a Malay and just a mere bumiputra from Sarawak, I do follow with keen interest the developements of Malaysian politics wherever I go. I had expected Datuk Mukhriz to win with a landslide of votes but was instead shocked to read the outcome of the results when
By Ramli NordinAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:34 PM

Assalamualaikum wbt,

Tun,

I am very10x sad and frustrated with the delegation!!!!!!!!!!!!!!!
By RepublicAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:35 PM

Selamat Malam Tun

That is why it is called U-M-N-Organisation.
It is such a strong in organising "something".

Perhaps, in future; it could be known as Un-united Malays Nepotism Organisation.

Quote:
8. Juga saya hairan kenapa untuk mengira hanya 790 undi mengambil masa lebih dari enam jam?

1 hr counting the votes
1 hr submit the votes for an approval from the "top"
1 hr the "top" makes amendment on the votes
1 hr the "top" re-amendment votes
1 hr the "top" confirmed the amendment
1 hr the "top" re-confirmed the amendment votes
next hour.....votes released and walla!

ps. jgan bersedih sangat tun....cheer up! :)
By rehanaAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:37 PM

salam tun,

berjumpa kita lagi,

saya begitu bangga kerana datuk mukriz ada bersama ketika pengumuman keputusan dibuat. saya melihat calon yang satu lagi begitu pasti bahawa beliau akan menang.??? seperti kata tun masa yang digunakan untuk mengira undi itu terlalu lama. siapa yang boleh menjawab persoalan ini?
By mamalinnAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:39 PM

Salam Tun,

Saya serta rakan sepejabat juga merasa pelik kerana sebelum hari penentuan Dato Mukhriz leading sedangkan KJ ketinggalan jauh ke belakang...itu yang saya tanya soalan ini pada Tun semalam...adakah jumlah politik wang menentukan hukumannya? Mengapa ada yang tak dibenarkan bertanding dan ada yang hanya diberi amaran...790 undi itu merangkumi berapa % perwakilan yang dibenarkan mengundi. Jumlah sebenar perwakilan berapa orang...adakah point system digunakan dalam menentukan jumlah undi? Bagaimana process undi dilakukan...Saya sedih kerana Dato Mukhriz tidak terpilih...perjalanan politiknya baru bermula dan boleh dianggap 'clean man'...tp kami rakyat merasakan ada something fishy happened during the process
By DSYAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:40 PM

sememangnya umum mengetahui majoriti pemimpin UMNO adalah perasuah tetapi mereka tetap pilih juga kerana semuanya sama saja tarafnya. Inilah yang dikatakan 'pemimpin berjiwa rakyat'???

sazaliyusoff.blogspot.com
By muhammad712Author Profile Page on March 27, 2009 8:41 PM

was relieved to know that you did not attend the 'circus show'.

Yang tidak logiknya adalah, kalaulah dia tidak bersalah, mengapa dia dipanggil? You don't call up a person and ask him if he's a murderer just because one person says that he's a murderer. It would be stupid for someone to be accused without a concrete proof. 'Let off with a warning' is a big joke. Atas sebab apa dia 'dilepaskan dengan amaran'? Pelik!

By PakCuNawiAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:44 PM

Salam Tun seisi keluarga. Semoga sihat sentiasa.

Komen Tun yang No. 8 dengan No 9 tu Tun tak payah heran sangat. Nie la akibatnya kalau tak mau belajaq sains dan matematik dalam Bahasa Inggeriss.
By atanmatsamanAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:44 PM

Chedet,

Saya macam CHEDET jugak takdak parti.....dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM saya mencadangkan kepada CHEDET untuk menubuhkan sebuah PARTI POLITIK yang baru untuk kami ra'ayat yang dah MELUAT tengok / dengaq semua parti POLITIK yang ada di BUMI MELAYU ni...

Semoga dengan IZIN ALLAH, kita bersatu semula bukan kerana CHEDET tapi ikhlas kerana ALLAH S.W.T untuk bangsa MELAYU yang MULYA ni.

wassalam...

atan mat saman
By FAIZOLAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:45 PM

salam ayahanda TUN smga kchatan ayahanda & kluarga baik hndaknya...
amat perit rasanya mnerima kptsan yg ketua pemuda dipimpin oleh KJ. Satu kptsan dluar dugaan krn smua mnnti kemengan Datuk Mukriz..Terlalu sdih mnerima kptsn yg berphk krn politik wang...Mamg xdnfi lg smmgnya terdpt pnyelewengn dlm pemilihan ketua pemuda...Anakanda dpt memahami btapa sdh & kecewa ayahanda dgn masa dpn UMNO yg makin gelap dn hancur krn DSAAB& politik wangnya....Smga perjuangan ayahanda dteruskan krn kami anak2 bangsa melayu teramat merindui perjuangan ayahanda.....
By Ibrahim ladenAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:46 PM

Salam Tun YG Dihormati,Sungguh sedih dgn perwakilan pemuda UMNO yg tidak memenuhi hasrat pemuda akar umbi.Orang yg banyak kotor itu juga dipilih, yg menjadi salah satu sebab BN kalah teruk.Kiraan undi 790 perwakilan dikira selama 6jam pecah rekod dunia di perhimpunan UMNO,satu kesangsian seluruh rakyat Malaysia.Bagi barisan baru kepimpinan tinggi UMNO jgn bagi sebarang jawatan perasuah2 ini dlm kabinet.Bagi Dato Mukris teruskan perjuanganmu esok masih ada.Harapan rakyat ialah dato diterima dalam Kabinet sebagai seorang menteri penuh utk perjuangan pemuda diakar umbi dan seluruh rakyat malaysia.
By zaki_77Author Profile Page on March 27, 2009 8:50 PM

Najib has already failed in his first test to stem the tide of political corruption and money politics. It defies logic to find that Khairy won the youth chief post by much a large margin. This was also a last parting shot by the Badawi (the worst PM Malaysia has ever had) to say that "I am gone, but my son-in-law will say on".

UMNO should be ashamed of itself for allowing itself to become a bastion of money politics. Nothing has changed and I am afraid that nothing will change and Khairy is an ugly reminder of this.

As long as UMNO continues to choose corruption over competence, they can kiss the federal government good bye in the next GE.
By NoraAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:51 PM

Marah, sedih, geram bercampur baur! UMNO tidak belajar dr kesilapan. Satu lagi undi UMNO hilang dlm PRU13 nanti. Babai UMNO
By ddrdAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:53 PM

Asslm'kum Tun in continuation of my earlier comment re Pemilihan UMNO, i feel Noraini should have gone for an exco wanita post instead of MKT. Just like pemuda opts for MKT as the next level puteri should opt for exco wanita and get into the wanita mainstream as pelapis. Azalina example should not be

followed unless that person has extra ordinary wanita qualities. This way members of puteri umno can learn to be more humble. Please treat this as my humble suggestion.Thank you
By ddrdAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:56 PM

Asslm'kum Tun in continuation of my earlier comment re Pemilihan UMNO, i feel Noraini should have gone for an exco wanita post instead of MKT. Just like pemuda opts for MKT as the next level puteri should opt for exco wanita and get into the wanita mainstream as pelapis. Azalina example should not be followed unless that person has extra ordinary wanita qualities. This way members of puteri umno can learn to be more humble. Please treat this as my humble suggestion.Thank you
By Nothing but windAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:57 PM

Dear Tun Dr M,

Please ignore my comment because it is based on wrong facts.

Thank you.
By my 2 centsAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:59 PM

Assalamualaikum.

Allah maha mengetahui.
Mudah-mudahan Malaysia diselamatkan oleh Allah SWT.
Allah izinkan tak bermakna Allah redha.
Apalah diharap pada keredhaan manusia, sedangkan yang hakiki adalah alam akhirat nanti.
Sebab itulah Islam perlu dijadikan tunjang utama, bukan bangsa.
Kerana Islam yang menjaga bangsa, bukan sebaliknya.
Lagipun siapalah bangsa Melayu di sisi Allah.
Allah tak pandang langsung semua tu.
Bilal bin Rabah seorang hamba abdi, tetapi mulia di sisi-Nya.
Begitu juga Sumayyah & keluarganya.
Fikir-fikirkanlah. Rasuah boleh menghancurkan negara.
Tak payahlah putar belit bahasa..rasuah tetap rasuah walaupun dalam politik dah jadi 'politik wang'. Dosa tetap dosa.
Semoga jadi peringatan pada diri sendiri dan semua.
Daripada marah-marah tak tentu hala dalam blog chedet ni, baiklah bagi peringatan, ada gak manfaat, InsyaAllah :)
By Mohd Azmir ZakariaAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:59 PM

Saya sokong ketidakhadiran Tun ke majlis yang tercemar itu. Saya berasa sungguh kecewa kenapa perwakilan pemuda sungguh bodoh untuk memilih orang yang terlibat dengan rasuah. Nampak sangat mereka sekarang menghalalkan rasuah dalam UMNO. Saya juga berasa sungguh terhina dengan sikap perwakilan yang tidak menterjemahkan apa yang disuarakan oleh ahli-ahli akar umbi.

Nampaknya wang dan kuasa adalah lebih penting daripada kepentingan agama bangsa dan negara. UMNO akan berada dalam zaman kegelapan jika benting terakhir iaitu Najib untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar bersih dari rasuah untuk menjadi anggota kabinet. Jika Najib juga tidak dapat bertindak dengan wajar alamatnya akan terkuburlah UMNO dan BN dalam pilihanraya akan datang.

Pak Lah juga sepatutnya telah mengumumkan tarikh pengunduran beliau dan juga tidak melakukan sebarang rombakan kabinet sehingga Najib menjadi PM.
By stylishpearlAuthor Profile Page on March 27, 2009 8:59 PM

perrgghhh!! caya lah TUN !!!
saya juga percaya perhimpunan agong UMNO tahun nie juga sbg TIADA agenda...
hehehe...
By GlimpsesAuthor Profile Page on March 27, 2009 9:01 PM

Dear Tun,

Many peoples were surprise KJ did win the Pemuda after found guilty in money politics. However, this guy escapes from UMNO disciplinary because he using indirect channel to distribute money. Poor Ali, been punish for using direct channel to distribute money.

Hello Dato, Datuk Seri or En. En. in UMNO disciplinary board, it doesn't matter if this peoples using direct distribution or 3rd parties distribution, morality "both methods are wrong – Dato'. It's should be punish and now peoples says UMNO practice double standard and again people will lose more confident in UMNO.

Finally, UMNO is given birth to corrupt politician look at UMNO youth our next generation leaders. I don't know what going to happen in next 10 – 20 years this person will become our next PM?
By Razak LatiffAuthor Profile Page on March 27, 2009 9:04 PM

Salam Tun

Pak Lah kata menantu dia berhak untuk memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO pasal dia bekerja keras dan berkempen sampai tak balik rumah.

Mungkin masa sogok duit kat Pemuda Pak lah terlena kejap.
By maklarcaloAuthor Profile Page on March 27, 2009 9:04 PM

Asm Yang Berbahagia Tun,

Memang saya sendiri terkejut,tergamam dan terkedu.Bagaimana sipengkianat bangsa boleh menang.Apakah bukti yang ada tidak cukup bagi pemuda2 umno yang ada untuk berfikir.Duit dan wang telah mengatasi segalanya.Saya terasa sangat kecewa sehingga demam.Apakah nasib bangsa kita sehina itu.Apakah pemuda bangsa kita akan menjadi bangsa yang begitu hina dan rendah sehingga kerana sanggup membelakangkan kepetingan agama dan bangsa dek kerana kepetingan diri sendiri.Saya pernah berjumpa dengan seorang politikus Indonesia yang sangat menkagumi Tun.Katanya dia tak boleh lupa satu soalan yang dikemukakan kepada Tun bagaimana Tun mendidik bangsa melayu sehingga menjadi tersohor dan tidak mengamal rasuah terbuka seperti di Indonesia sedangkan mereka juga adalah satu rumpun.Tun menjawab yang Tun meninggakan ilmu dan pengetahuan dan tun percaya satu bangsa yang mempunyai peradaban yang tinggi tak munkin akan menghina bangsa mereka dengan begitu murah dengan mengambil rasuah.

Melayu itu berani jika bersalah

Kecut takut kerana benar
Janji simpan di perut
Selalu pecah di mulut

Biar mati adat
Jangan mati anak

Dalam sejarahnya
Melayu itu pengembara lautan
Melorongkan jalur sejarah zaman
Begitu luas daerah sempadan

Sayangnya kini segala kehilangan
Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulamkan daya
Gedung akal laut bicara

Malangnya Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya

Sedangkan kampung telah tergadai
Sawah sejalur tinggal sejengkal
Tanah sebidang mudah terjual

Meski telah memiliki telaga
Tangan masih memegang tali
Sedang orang mencapai timba
Berbuahlah pisang tiga kali

Melayu itu masih bermimpi
Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri

Berkelahi cara Melayu
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum

Marahnya dengan diam
Merendah bukan menyembah
Meninggi bukan melonjak

Watak Melayu menolak permusuhan
Setia dan sabar tiada sempadan

Tapi jika marah tak nampak telinga
Musuh dicari ke lubang cacing
Tak dapat tanduk telinga dijinjing
Maruah dan agama dihina jangan
Hebat amuknya tak kenal lawan

Berdamai cara Melayu indah sekali
Silaturrahim hati yang murni
Maaf diungkap senantiasa bersahut
Tangan diulur sentiasa bersambut
Luka pun tidak lagi berparut

Baiknya hati Melayu itu tak terbandingkan
Segala yang ada sanggup diberikan
Sehingga tercipta sebuah kiasan:
“Dagang lalu nasi ditanakkan
Suami pulang lapar tak makan
Kera di hutan disusu-susukan
Anak di pangkuan mati kebuluran”

Bagaimanakah Melayu abad dua puluh satu
Masihkan tunduk tersipu-sipu ?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang menghalang kemajuan;
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin kepada kebenaran;
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan
Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memiliki ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan di negara Merdeka!

Karya Pak Usman Awang
By kamal ahmadAuthor Profile Page on March 31, 2009 8:20 AM

Clarification: And i quote myself from my earlier comment;
(due to a forced low sugar diet taking its toll)

"In line with that principle Tun, I say (for me) it's time we all close rank and put all self interest and emotions aside and go back to work for UMNO. I could stay selfish and be my usual bombastic self (yes, yes good day Mr Dorai & samuraimelayu :) or I could cast all that aside and see my self in my old mirror for who I truly am: a Malay."

What I ha meant to say was; when Saudara samuraimelayu made his first calling at me on this web was via and at that remark; that I was the bombastic with the dewa-dewa lingo :) That's what I meant in warmly rekindling it up there :) Thank you brother samuraimelayu. I know you are older err I meant, experienced than me, and I thank you for the good company here. And HBT, I mesti –musti- setuju dengan you. Berani I tak setuju? Hehehe :) Salam all.
By kamal ahmadAuthor Profile Page on March 31, 2009 9:33 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Membaca penulisan Pak Usman Awang kita, saya teringat juga kepada pesanan salah seorang daripada individu yang sangat saya sanjungi dan hormati, Haji Mohamad Zain Tajudin – Pak Monte. Dulu saya muda-muda (tak la tua sangat pun la ni) lambat lepa sikit saja nak marah. Satu hari saya kena tegur dengan Pak Monte. Dia cerita, dulu masa dia muda lagi la panas baran. Tapi selepas menunaikan fardhu haji, dia berubah. Saya tanya macam mana? Dia cerita masa duk tawaaf, satu pak Arab punya speeding sondol dia sampai nak terebah. Dia bangun, cekup janggut Arab tu nak hentam, Arab tu cepat-cepat peluk dia kata brothers, brothers! Sampai menangis-menangis. Dalam pada tu juga dia kata semua marah dia hilang! Macam tu saja. Kebesaran Islam dan kemuliaan Kaabah. Sampai sekarang dia tak lagi, malah susah nak marah-marah. Memang betul pun saya perhatikan. Saya rasa, adakalanya apabila kemarahan tu dah tak lagi diperlukan, maka jika kita memberi ruang maka Allah akan ambil buang. Ada mungkin kita boleh menyerah kemarahan (perasaan marah kita dalam doa untuk dipadamkan Allah). Saya selalu macam tu dulu tiap-tiap hari. Solat Isya punya lama. Kadang-kadang buat Witir dengan Tahajud kalau heavy duty (petua Pak Monte pada saya).

http://www.mifna.com/index.php?option=com_content&task=view&id=91&Itemid=1
By xmirAuthor Profile Page on March 31, 2009 9:44 AM

YABhg Tun dan isteri,
Tiada cara lain lagi untuk UMNO kembali berkuasa,saya cadangkan Tun buka parti baru saja kerana UMNO dipenuhi dengan pemuda yang korup.PRU ke-13 akan tumbang UMNO yang keramat kerana pemuda UMNO telah mendewakan ketua yang korup.....hina.....lebih dari anjing jalanan.....yang mencari makan yang halal.....Saya amat berharap Tun membuka parti baru.....demi bangsa dan agama agar mertabat melayu diharumkan semula. Pada Pemuda UMNO.....ingatlah anjing dijalan itu lebih mulia dari pemuda yang korup.....dan membunoh bangsa sendiri.....sayonara UMNO.
Tun dan keluarga amat mengaharapkan Tun kembali aktif semula dalam arena politik demi bangsa dan negara.

Helang Rimba.
By HLTEHAuthor Profile Page on March 31, 2009 9:50 AM

Hey...saya duk tunggu Dr.M tulis "Kenapa saya Hadir"...
By zanabcr24Author Profile Page on March 31, 2009 10:28 AM

Assalamualaikum
buat Tun..semoga sihat slalu hendaknya...saya terkilan juga mengapa dato mukhriz tidak menang sebagai ketua pemuda..terkejut juga KJ pulak yang menang walhal jika diikutkan Dato Mukhriz lebih layak sebagai Ketua pemuda..sudahlah hendak tunggu keputusan untuk diumumkan sapa pemenang

agak lama,belum diumumkan dikaca TV saya sudah lihat KJ sudah dipeluk2,lambai2la,kehulu-hilir,lagak sudah menang..jika sudah tahu menang x usahlah over sgt2 menyampah pula saya lihat,marah pun ada.... lagi pun saya memg tidak setuju langsung KJ jadi Ketua pemuda tapi nak buat macm mana dia dah WINNN? klulah di buat undi mcm pilihanraya...hemmm...rakyat yang membuat pilihan, confirm...Dato mukhriz yang menang...sbb rata-rata mahukan Dato Mukhriz..rakan2 saya juga terkilan lain yang dijangka lain yang jadi..hai..hai..apalah nasib...klu Tun Sedeh..Kami pun sedih juga...sebb..ramai yg berpolitik sekarang lebih kepada kepentingan sendiri ajer...sudah terang lagi bersuluh...ada mata tapi buta.Tapi saya Sokong Tun Masuk balik Umno...Pulihkan UMNO Jgn biarkan parti UMNO di label parti WANG,RASUAH,...walauapa pun saya tetap brharap UMNO dapat dipulihkan semula.....Wassalam..
By samuraimelayuAuthor Profile Page on March 31, 2009 10:48 AM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,
TAHNIAH KAMI UCAPKAN KEPADA TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN DAN AHLI MAJLIS TERTINGGI YANG BARU DILANTIK.

HANYA YANG KAMI TERKILAN KENAPA MENTERI BESAR NEGERI2 SEMENANJUNG YANG DIKUASAI OLEH BARISAN NASIONAL DITOLAK DAN PEMIMPIN2 NEGERI YANG KALAH DI PRU 12 DAN DINEGERI2 MEREKA YANG DIKUASAI OLEH PARTI PEMBANGKANG MASIH DITERIMA?

APAKAH MENTERI BESAR2 TERSEBUT YANG TERBUKTI MAMPU MENYELAMATKAN BAHTERA NEGERI MASING2 KETIKA 'TSUNAMI' MELANDA PADA PRU 12 KURANG TERSERLAH DARI PEMIMPIN2 NEGERI LAIN YANG TELAH KARAM DIPUKUL OMBAK?

KALIAN TELAH MELEMAHKAN SEMANGAT MELAYU DIJOHOR,PAHANG DAN NEGERI SEMBILAN YANG TELAH BERJAYA BERSAMA 'NAHKODA' MEREKA MELAWAN PUKULAN OMBAK 'TSUNAMI' YANG MELANDA PADA 8HB MAC, 2008.

YANG PALING KAMI TERKILAN APABILA MENTORI BOSA KAMI YANG TELAH BERJAYA MENINGKATKAN DAYA PENTADBIRAN NEGERINYA HINGGA DIIKHTIRAF TERBAIK PADA TAHUN 2008 TIDAK TERPILIH.

PERPATAH MINANGKABAU ADA MENYATAKAN 'BARINDUAK BAK AYAM, RUMPUN BAK SARAI'(BERINDUK BAK AYAM, RUMPUN BAK SERAI)DAN 'CUBIK PAHO KIRI, TARASO PAHO KANAN'(CUBIT PAHA KIRI, TERASA PAHA KANAN).

MAKA KAMI SANGAT BERHARAP PAK NAJIB RAZAK JANGAN PERSIA2KAN PERJUANGAN ORANG NEGERI SEMBILAN..TAKUT NANTI PADAH DIPRU 13.

FIKIR2KAN LAH BILA MEMBUAT PERLANTIKAN NANTI.

ALFATIHAH, AMIN.
By Pak AliAuthor Profile Page on March 31, 2009 10:58 AM

Salam Tun,

Allow me to response to this rude Kilmer or is it killjoy?

Kilmer,

Please go play somewhere else, it is not nice for a small rude and immature kid like you to interfear in adults talk here. This forum is for people with developed IQ and EQ to discuss rationally and politely.

You are not a Malay or even a Malaysian i assume, so why do you bother to get involved in a discussion on core Malay issues? Go f**k off somewhere! If you a Malaysian, you could at least have a decency to comment politely to a guy who gave 22 years of his life to build Malaysia. May i ask what do you give to

this country throughout your short existence?

Why, you think Anwar Ibrahim and Lim Kit Siang, Ustaz Nik or even Abdullah are not power hungry? They are all hungry. The difference is they didnt give anything but problems to this country, only know how to oppose, oppose and oppose. We dont need stupid opposition who only know how to oppose without giving constructive criticisms.
When they are in power like in Perak and Kelantan, they do worse, but very good at sweeping things under the carpet. Read the paper today? PKR division going to be dissolved because they cannot stand what they claimed Anwar's dictatorship style! This is coming out from PKR members. Look what happened in Perak, PKR and DAP members also quit because of monopoly of power by DAP cousins in exco meetings.

There are two types of dictator, one that uses his power to build a country and one that destroys it. I have no problem supporting a dictator that spent 22 years of his life to build my country, Malaysia!

My question is, Mr Kilmer, what did you ever give to this country?

If you are scratching your bald head hard to find the answer, go play somewhere else and stop becoming a pest here!

Tun, i am with you all the way.

Wassallam
By Fatimah@KeralaAuthor Profile Page on March 31, 2009 11:49 AM

Salam Tun,
Terkilan sungguh bila orang yang dikira layak menjadi Pemuda kalah ditangan orang yang paling tidak layak.

InsyAllah.. Mukhirz akan berjaya menjadi pemimpin satu hari nanti.
By DinodinoAuthor Profile Page on March 31, 2009 12:20 PM

As'kum Ayahnda Tun,
buat kesekian kalinya anaknda merasa terlalu hiba dan hampa. Pemilihan Agung UMNO telah memberikan petunjuk bahawa parti keramat ini sudah semakin hampir kepada kehancuran. Perubahan dan politik wang yang sering dilaung laungkan hanya satu polemik yang tidak berkesudahan. Betapa jijik dan meluatnya rakyat dan ahli ahli UMNO yang berperinsip melihat raja kepada amalan rasuah seperti KJ telah dipilih oleh 304 orang perwakilan yang tidak bermoral untuk menerajui sayap pemuda. Kerana terpengaruh dengan wang ringgit, mereka sanggup menggadaikan maruah dan harga diri sehingga tergamak mencalunkan seorang perasuah yang bakal menjual negara. Sikap tamak dan haloba KJ memang telah lama diketahui umum, rata rata rakyat menolaknya kerana rakyat tidak mahu memperjudikan masa depan jika negara dipimpin oleh petualang seperti KJ. Episod ngeri bilamana negara diporak perandakan oleh Nuar Berani masih segar dalam ingatan majoriti rakyat yang cintakan keamanan. Permainan politik kotor dan menggunakan wang untu membeli kuasa dan pengaruh sudah tidak mendapat tempat dihati rakyat. Rakyat hanya mahukan pemimpin yang bukan sahaja bersih tetapi ianya juga seharusnya dilihat bersih dari semua amalan yang tidak sihat.

Ketahuilah para pemimpin UMNO, sokongan terhadap KJ dari peringkat akar umbi hampir tiada langsung, hanya kelicikan dan kepintaran KJ dalam menghalalkan taktik yang kotor telah berjaya mengubah pendirian perwakilan untuk mengundinya. Ingatlah kerajaan yang memerintah bukan dipilih oleh 304 perwakilan yang kotor dan tidak beretika, tetapi ditentukan oleh rakyat yang menjadi pemerhati. Amat mudah untuk menilai samada KJ disenangi atau dikehendaki oleh ahli ahli UMNO diperingkat akar umbi, kita hanya perlu mendekati 20 orang ahli UMNO yang tinggal berhampiran dan bertanyakan pendapat mereka secara jujur tentang si KJ ini. Saya amat pasti sangat sukar untuk mendapat walau seorangpun yang menyatakan sokongan terhadap KJ, melainkan ungkapan kata kata penghinaan dan perasaan amarah yang amat sangat. Kajian ini telahpun saya lakukan sendiri .Saya yakin jika keadaan

dibiarkan berterusan, rakyat akan menghukum UMNO dalam PRU13 nanti. Tetapi pada waktu itu segala galanya mungkin sudah terlambat. Negara akan ditadbir oleh Nuar Berahi, Kit Siang, Karpal singh dan pak angguk seperti siNizar.

Bagi DSN dan TSMY fikir fikirkanlah, mahukan anda melihat segala usaha untuk memulih dan memartabatkan parti keramat ini menjadi sia sia? Jika maruah dan integriti parti hendak dijaga maka satu tindakan yang drastik dan berani haruslah diambil, samada memecat atau menyingkirkan sahaja ahli dan pemimpin yang rasuah dan tidak beretika, supaya kesinambungan dan nama baik UMNO terus terpelihara. Kembalikanlah era kegemilangan UMNO, kembalikanlah semula kepercayaan rakyat setelah 5 tahun disalah pimpin. Ingatlah setiap tindakan yang diambil itu walaupun pahit, ianya tetap akan menjadi ubat yang mujarab bagi mengubati segala penyakit kudis, panau dan kurap.

P/S: Anaknda dah lama tak senyum, tapi ayahnda telah mengembalikan semula keceriaan dan harapan baru buat anaknda. Sembah salam untuk Bonda Asmah.
By kaizerfanAuthor Profile Page on March 31, 2009 12:41 PM

Salam buat Tun & Bloggers..

1.Lets us stop arguing each other to had happened last few days because whoever won that place will continue his life as usual..
2.The other party that reading this will be laughing out loud with all these malays are now arguing each other,with themselves...
3.They will continue their mission on cultivating hatred among UMNO from inside,not focusing on how to build up itself towards malay excellence..
4.What we don't want to do is telling everybody like UMNO is the only party that is corrupted & the others aren't...
5.Look at Mr Lim Guan Eng...Anybody who have the guts to criticised him will be banned or smashed back in fact he's asking opinions from the people like the Relau Tiger Farm's case..WWF had corresponded that its not suitable to make a tiger farm within this island because it is not their habitat & nature,its also not cheap to maintain tigers in captive,but LGE so angry to this people that opposing to his ideas...or does LGE has other reasons why he really want to build a tiger farm within penang island,such as feeding this tigers with his rivals or enemy within the DAP itself..instilling fears among them is the best way to regain loyalty from the DAP/PR guys...HHmmm..i wonder..
5.enough all this nonsense...lets build up our beloved party UMNO with TUN & win back all the states that had been lost to the opposition..lets us UNITE,because together we will stronger,larger & more effective than as a loner..
HIDUP UMNO!!!!!!!!!
HIDUP MELAYU!!!!!!!
HIDUP TUN!!!!!!!!!!
By miss leoAuthor Profile Page on March 31, 2009 1:33 PM

Puisi utk Si Khairy

dan kau mula menari,
mengikut rentak lagu,
rentak lagu kebodohan mu,
dendang lagu keangkuhan mu,
kau masih menari,
tarian mu makin laju,
lagu kebodohan meresap di jiwamu,
dendang keangkuhan menguliti tarimu,
kau kian asyik menari,
tidak kau kira sumbang tari,
tidak kau kira khalayak mengeji,
kau semakin leka menari,
ditemani mereka yang bersekutu,

tidak kau sedar dendang lagumu kian mati,
rentak angkuhmu memakan diri,
yang bersekutu mula mencaci,
kau teruskan menari,
walau tubuhmu letih sekali,
dendang bodohmu mula memakan diri,
lantas kau tersungkur di situ,
lampu angkuh mu telah mati,
dendang bodohmu telah lama pergi,
tinggallah kau di situ,
meratapi tarianmu,
setelah kian lama berlalu,
baru kau tahu,
betapa tempang nya tarimu,
betapa buruknya lagumu,
betapa hodohnya dendangmu,
kau terduduk di situ bisu,
meratapi hinanya tarimu,
meratapi hinanya sombong mu,
meratapi hinanya kebodohanmu,

cik yat.31/03/09.13.33pm
By BukitSaganAuthor Profile Page on March 31, 2009 1:37 PM

Apa khabar tun,

Sokonglah seperti apa yg ibnisoleh kata, tak perlulah bagi apa2 jawatan, selepas persaraan abdullah nanti. Biar lah beliau berehat sahaja, atau bercucuk tanam, kerana kerja ini memang sesuai untuk beliau.setuju sangat,keran tempoh selama 5 tahun mejadi perdana menteri dijadikan adalah buktinya.Satu lagi rata-rata sebut taknak undi BN pada PRU13 nanti, atas sebab kemenangan Si perauah Khairy ini, sabar.....takkan pasal yg seorag ini sampai taknak undi BN, desaklah dan terus desak sehingga tindakan dikenakan, kerana memang dah diumum dah, khairy bersalah. Noni mana kau jumpa si Khairy ni...
By hashimahAuthor Profile Page on March 31, 2009 2:13 PM

assalamualaikum Tun,

Untuk pengetahuan Tun, para perwakilan kebanyakan takut untuk mengundi Datuk Mukhriz kerana jika mereka mengundi KJ, makanya bisnes mereka berjalan dengan lancar.Ini bukan sembang kedai kopi tetapi realiti.Saya mempunyai saudara yang menjadi kontraktor awam, pada mereka menjadi ahli Umno adalah 'compulsory' untuk menjadi kontraktor yang berjaya.Segala projek yang diperoleh adalah semata2 taktik mengampu sampai kan bini pegawai terbabit nak shopping pon dia sanggup hantar. Peringkat atasan memang rasuah teruk..kat bawah yang tengah dongak ni..lagi lah..macam MACAI..Saya dapati tiada lagi wang halal yang diterima hanyalah wang HARAM..hasil menipu dan merasuah..MELAYU ISLAM DAH PUPUS YANG ADA HANYALAH MELAYU MUNAFIK yang sudah lupa PERJUANGAN ASAL UMNO DITUBUHKAN.

PESANAN SAYA KEPADA PERWAKILAN YANG TELAH MEMANGKAH KHAIRI JAMALUDIN. ALLAH ITU ADA..ALLAH MAHA MELIHAT..JIKA ANDA RASA ANDA SELAMAT..DARI ALLAH SWT..TERUSKANLAH MAKAN HASIL HARAM..TU..
By emma49Author Profile Page on March 31, 2009 2:28 PM

Dear TUN,

bagus-nye Tun attend umno assembly...
sume orang terkejot.. siap kate tun flip-flop lagiee..

tapi pada saya, TUN just nak ubah strategy, sampai bila TUN nak "biar-kan" Or nak tengok jerr...

"Bad Things Happen When Good People Stand by and Do Nothing"

Best Regards
By masshahidAuthor Profile Page on March 31, 2009 3:22 PM

Salam..

Tun,

Saya juga tidak berpuas hati dan sedih dgn keputusan yg telah diterima. Tidak sangka sama sekali KJ yg menang pada mlm tu sedangkan terang-terang kesalahan beliau satu Malaysia. Walauapapun saya amat gembira kerana Tun hadir pada hari terakhir persidangan tempoh hari. Saya merasakan dgn kemenangan KJ agak sukar untuk rakyat menyokong UMNO selepas ini.

By peminat TunAuthor Profile Page on March 31, 2009 3:34 PM

Tun yang sangat disayangi,

Dari info yang saya dapat melalui rakan yang berada di tempat pengundian, kiraan undian yang pertama Mukhriz di istihar menang. Kemudian undi dikira semula dan memihak KJ.Logiknya kalau ya pun tersalah kira mestilah bezanya tak banyak. Ini berpuluh pulak.
Kawan saya kata KJ bayar antara 10k seorang. Kalau di darab 304 dah lebih 3 juta. Itu belum masuk dengan mereka yang dapat duit tapi tak undi dia. Khairy Oh....Khairy.....Bijak tapi jijik.
By malan3395Author Profile Page on March 31, 2009 4:18 PM

TAPI TUN....,

KHAIRY NI JK ADA KEMPEN KE APA KE DIA TRUN PDG SMA2 PSG SPNDUK CAMPUR ORG BWAH MKN SMA2. ANAK TUN MUHKRIZ NI TERLALU KORPORAT SGT. SSAH PEMUDA NAK DEKAT PSL STYLENYA YG CNTRL MACHO JE. SY TK SK JG KAT KJ NI TP DLM BANGSAT DIA ADA JG POSITIF ATTITUDE. TK TAU LA KLAU DIA BELAKON KE TIME TU. TP NI BASE PD PENGALAMAN SY BERURUSAN DGN KEDUA2 CALON NI. KLAU KHIR TOYO SY TAK TAU TP ORG KT DIA NI DH KNA SIAL PENYAPU.
By ZAuthor Profile Page on March 31, 2009 4:27 PM

Salam Tun,

o Terpulanglah pada Tun nak hadir atau tidak. Jemputan kepada Tun adalah satu tanda hormat dan penghargaan dari ahli-ahli Umno kepada bekas pemimpin yang dikasihinya.

o Lagipun, Tun bukan lagi ahli UMNO. Malah Tun bukan ahli UMNO yang setia kepada parti yang keramat ini.

o Kalau Tun sayang kepada parti, Tun tak sepatutnya keluar parti dek kerana tak bersetuju dengan pucuk pimpinan parti yang telah Tun restui dan juga sebagai pengganti Perdana Menteri.

o Sudah sekian lama Tun dah bekerja dengan Pak Lah, sudah tentu Tun lebih arif tentang prestasi Pak Lah untuk menerajui parti dan seterusnya mentadbir kerajaan. Ini bukan keputusan 'gambling', ini soal nak mentadbir negara.

o Kalau perlu ada teguran kepada pucuk kepimpinan parti dan kerajaan, buatlah dari dalam sebagai ahli parti atas rasa tanggungjawab kita kepada parti serta menjaga sensitiviti bukan membidas secara terbuka. Sebab Tun bekas Perdana Menteri yang dihormati oleh ramai rakyat Malaysia dan Tun adalah orang yang berpengaruh.

Ketua Pemuda UMNO

o Serangan tubi terhapap KJ(budak tingkat 4) adalah cara bagaimana Tun mempromosikan anak Tun (Mukriz) sementara Dr Khir sibuk dengan isu-isunya sebagai bekas MB selangor.

o Dengan harapan KJ digambarkan lebih korupsi tambahan pula Lembaga Disiplin UMNO didapati beliau bersalah dalam politik wang. Reputasi Dr Khir juga dengan sendirinya tercalar oleh serangan tubi PKR terhadap beliau dengan pelbagai isu, sementara Mukriz lebih dilihat 'clean'.

o Malangnya propaganda sebegini tak berhasil, KJ lebih bijak dalam mengurukan risiko servival politiknya berbanding calon-calon ketua pemuda yang lain. adakah benar begitu?

o Realitinya Umno memang ketandusan lapisan pemimpin berkarisma seperti Tun dan DSAI.

o Ada orang berkata 'biarlah KJ memang, kalau Mukriz menang nanti dia akan membawa legasi Mahathir'. Walaupun Mukriz di lihat lebih berpotensi untuk mengetuai pemuda tetapi beliau kalah juga. Atau mungkin Mukriz terlalu 'clean' sehinggakan satu sen pun beliau tidak guna untuk kempen kemenganan beliau? berbanding KJ yang terang-terangan didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin?

o Yang peliknya calon yang ada banyak isu integriti, calon itu yang tinggi undiannya seperti KJ and Dr Khir. Macam mana UMNO nak berubah?

o Kemelut dalam UMNO memang sangat membimbangkan. berseloganlah macam mana pun untuk berubah, selagi kepimpinan UMNO dan kerajaan tidak mengutamakan nasihat ulamak dan melandaskan Al-Quran sepenuhnya, selagi itulah kemelut dalam parti orang melayu dan kerajaan ini tidak dapat di atasi.

o Sedih, masa zaman Tun dulu pun ada ramai ulamak yang tak boleh menegur dan bersuara.

Salam
By PritAuthor Profile Page on March 31, 2009 4:51 PM

Dearest Tun,

I sincerely support KJ as, no one is clean, if TUN compare yourself during your time till Pak Lah time there were full of corruption and back bench has been supported. What measures have you taken against Muhammad Taib those days and the others, now Najib is also been supported by you TUN. So no point in verdicting the past and previous here.

Even if you are back, what can you do, you will team up again with your team and start back the same, when will there be end to all this personal agendas. We feel ashame of ourself, we been highlighted of bad portfolios.

My personal expections is all your hardwork of 20 years should be appreciated with your comeback, and back with new agendas for the nation and country. No more personal interest and no more dirty politics and put a aside the bad experiences with Pak Lah, he is good man, Tun must team up with him to clean up the mess and hand over the entire team to the next right person.

Effective plans and clean profile should move in to end the PKR nonsense. The confidence of the nation is the most important part here, Tun have to take care of your health too. Dont overwork and cheat us. We are in full hope and condidence, that you are moving to make the changes and to implement effective directions with the entire team and get UMNO to move on instead of zzzzzzzzzzzZZZZZ.

Tun, I personally feel bad for Mukriz, but its also good that he is not in now, let him come in when all this dirty games are over. Otherwise he will be also critized for good intention and hardwork.

HOPE TO SEE YOU SOON WITH ACTIONS TUN. LONG LIFE TUN AND MAY GOD BLESS YOU ALWAYS AND WILL PRAY FOR THAT TOO.

By soupichAuthor Profile Page on March 31, 2009 4:54 PM

Salam semua,

Maka bermula perjalanan kehancuran UMNO dengan kemenangan KJ

Tiada apa lagi yang perlu ditangiskan. Tinggallah parti keramat
Melayu dalam kenangan yang sangat memedihkan.

Selamat tinggal kepada pejuang bangsaku....

Paklah terus menutup pintu hatinya untuk melihat dan menyatakan
kebenaran....

Perasuah tetap dipuji kerana masih setia kepada UMNO?

Tidak perlu menunggu 3 PRK ini, kerana tanah melayu ini hanya tinggal
kenangan.

"selamatkah anak2 kita ditangan ahli politik itu?"(M Nasir)

tidak perlu ditangiskan lagi.. 304 petualang bangsa tidak mengenal
hakikat bangsanya sendiri...

wassallam
By watiAuthor Profile Page on March 31, 2009 5:00 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya berbangga dan sangat menghormati pendirian Tun, yang pada saya susah unuk dilihat dizaman sekarang ini. Semua berani cakap saja tetapi takut berdiri walaupun benar.

Apa yang berlaku pada persidangan/Pemilihan PEMUDA UMNO tempohari adalah amat memalukan. Saya rasa apa yang PEMUDA tidak sedar, apa yang berlaku pada hari itu adalah paling penting dalam sejarah PEMUDA sepanjang penubuhannya.

PEMUDA UMNO harus faham bahawa pemilihan mereka sangat-sangat penting kerana ia sebenarnya mencerminkan siapa PEMUDA UMNO sebenarnya, terutamanya pada masa sekarang di mana PM kita adalah sangat-sangat lemah.Tambahan lagi ini lah barisan hadapan Melayu.

PEMUDA harus sedar majoriti PEMUDA TIDAK MAHU KHAIRY DIPILIH, dan lagi penting pada pemilihan kali ini semua bangsa memerhati kerana apa yang berlaku juga penting bagi kaum mereka sebab yang terpilih pada pemilihan ini bakal menjadi pemimpin mereka juga.

Ada secara senyap dan ada secara lantang menyatakan apa yang berlaku pada pemilihan PEMUDA hari itu mencerminkan betapa orang Melayu ini sanggup mengkhianati bangsa sendiri demi wang. Apakah mereka layak dipanggil pemimpin, apakah mereka layak mmimpin kami (bangsa lain). Adakah wakil PEMUDA ini terdiri dari orang-orang bodoh belaka?

Orang Melayu harus sedar sampai bila kita perlu berpegang hanya kepada sejarah, sampai bila sejarah

mampu mempertahankan hak-hak orang Melayu, Budaya berubah, pandangan rakyat berubah tetapi sedihnya Pemimpin kita terutama Pelapis kita PEMUDA UMNO masih syok sendiri, hanya lantang kerana hak bangsa mereka dicabar, tetapi mereka tidak sedari merekalah sebenarnya pengkhianat kepada bangsa mereka sendiri dan seterusnya pengkhianat kepada generasi Melayu akan datang.

Kesedihan TUN sama kami rasai biarpun kami bukan ahli UMNO tapi kami Bangsa Melayu. Hidup Melayu Hiduplah UMNO, Mati Melayu berkuburlah UMNO.
By sarjan hassanAuthor Profile Page on March 31, 2009 5:03 PM

Assalamualaikum Tun,
apa langkah kita seterusnya?nak tinggalkan,Tun dah bagi restu dengan menghadiri penutup persidangan.
faham juga,bukan senang jadi leader.kadang kala terpaksa buat keputusan demi kepentingan negaera dsb.
tapi selagi si kitol jantan (KJ)masih ada dlm kerajaan.bahaya rakyat Malaysia.ada ura 2 dsntr nak jadikan full minister lepas nie.kononnya in charge belia dan sukan.
kalau jadi gitu Tun,masak UMNO.laa nie pun depa dok kat a macam3.harap dsntr lebih cerdik daripada itu.
dsntr kira leader pertama Malaysia,yang belum jadi leader tapi dah banyak kontrovosi.mugkin paklah dah gempak dsntr.tak taulah.kami mau perubahan
By ZawandharAuthor Profile Page on March 31, 2009 5:38 PM

Assalamu'alaikum Tun Dr.M.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk meluahkan pandangan dan rasa isi hati saya.

Saya pun tak pasti samada Tun akan baca ataupun tidak.

Walaubagaimanapun saya mohon ma'af sebelum dan sesudah sekiranya ada perkataan atau cadangan saya ini menyetuh hati Tun ataupun pembaca yang lain.

1. Bangsa Melayu secara amnya adalah bangsa yang menganuti agama ISLAM (walaupun ada yang murtad dsb).

2. Agama yang kita yakini ini adalah BENAR dan pasti BENAR. AjaranNya adalah BENAR, RasulNya adalah BENAR.

3. Apa yang perlu kita tingkatkan dan perkemas adalah KEIMANAN dan KETAQWAAN kita. Kita semua yang mengaku beriman hendaklah melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang.(PELAJARILAH APA YANG DISURUH DAN APA YANG DILARANG)

4. Bagaimana meningkatkan KEIMANAN dan TAQWA?, tentulah dengan ilmu.

5. Dengan menjadikan ISLAM sebagai "CORE VALUE" bagi setiap melayu yang masih mengambil ISLAM sebagai pegangan hidupnya. InsyaAllah kita semua akan maju jaya didunia dan akhirat.

6. JADI, UMNO tidak perlu diubah, sistem pemilihannya pun tak perlu diubah, yang perlu diubah adalah MANUSIANYA. (TAK PANDAI MENARI, LANTAI PULA YANG DISALAHKAN)

7. Sekiranya setiap insan yang mengaku dirinya ISLAM,MELAYU dan AHLI UMNO menjalankan/melaksanakan ajaran ISLAM sepenuhnya,maka sistem yang sedia ada inipun sudah cukup baik.....bagi UMNO untuk membawa AMANAH ALLAH,yaitu bertindak sebagi Khalifah dimuka bumi ini secara am, dan Negara Malaysia Khususnya. Kerena INSAN UMNO nie bijak2 belaka untuk urusan DUNIA, tetapi perlu meningkatkan KEIMANAN dan TAQWA.

8. Beramanalah dengan AMANAH yang dituntut oleh ISLAM, Berlaku adilah sebagaimana yang dituntut

oleh ISLAM. Jadilah pemimpin sebagaimana yang dituntut oleh ISLAM

9. Maka segala rasuah,riba, zina, umpat-mengumpat, fitnah-menfitnah, judi, tamak haloba, hasad dengki dan lain2 dosa besar akan berkurang.Kerena keyakinan akan adanya AZAB di HARI YANG BENAR, dan siksaNya berkali ganda berbanding hukuman penjara didunia, sebatan didunia,hukuman gantung didunia. Hatta panasnya lidah matahari mencecah 6000 Deg C. Bolehkan kita menanggung jilatan API NERAKA.

10. Akhirnya, sekiranya kita Bangsa Melayu yang mengaku beragama ISLAM dan beriman dengan spenuh IMAN, insyaAllah selamatlah kita di dunia dan akhirat. INILAH KUNCI/UBAT KEPADA SEGALA PENYAKIT/KEKUSUTAN YANG BERLAKU HARI INI.

Tak usahlah kita berpikir2 lebih2 untuk mencari peraturan2 baru.

Kerena setiap penyamun akan tetap mencari jalan untuk menyamun walau bagaimana haibat sistem kawalan yang dibuat.

Ingatlah AL-QUR'AN dan SUNNAH adalah merupakan PENAWAR segala PENYAKIT/PERMASALAHAAN.

Pelajarilah, yakinilah, amalkanlah dan sebarkanlah.

Saya berdoa

Ya, Allah ya Tuhanku, Ampunkanlah TUN Dr.M & Keluarganya atas segala dosa yang disengaja maupun tidak disengaja, tetapkanlah Iman mereka,limpahkanlah kesehatan kepada mereka, berilah kesabaran dan kekuatan kepada mereka untuk menghadapi segala cubaanMU YA ALLAH , sekiranya ENGKAU YA ALLAH mememangilnya menghadapMU YA ALLAH pangillah ia pergi dalam keaadan KHUSNUL KHOTIMAH. Dia ADALAH pemimpin kami yang baik YA ALLAH, lindungi dia ya ALLAH.

Saya merindui zaman2 TUN menjalankan AMANAH sebagai Perdana Menteri Malaysia. Semoga MALAYSIA mendapat pemimpin2 seperti TUN.
By wlAuthor Profile Page on March 31, 2009 5:44 PM

Tun,
Malaysians are getting divided more & more each day.Some Chinese support you & your son ,some support Pak Lah & of course Khairy too.As I said before I don't really care who is the current Or next PM so long as he is good ,God -fearing,dedicated to the people & Nation,dutiful & respectful of our Rukunegara that emphasise racial unity & harmony & also religious freedom for the Rakyat.Respect for God ,the Sultans & also Agong is enshrined in the Rukunegara too & Rakyat should observe this Rukun.Now the country or so to speak the affected areas are going for another round of triple by-election.Yet again the Govt machinery & also opposition faction are geared up for more campaigning.Action time again!!Wow!!Whatever it is we must not lose our heads.
RT
By ABIAuthor Profile Page on March 31, 2009 5:48 PM

Khairy J towers above Mukhriz in terms of education, charisma, public speaking and popularity.
Let's accept the decision of the delegates and the defeat of Mukhriz and be graceful about it.
ABI
By mappaAuthor Profile Page on March 31, 2009 5:55 PM

Salam ayahanda Tun,
Kehadiran Tun ke majlis baru-baru ini menyuntik semangat bagi anak-anak muda yang berpaling tadah untuk berjuang bersama-sama Tub

By mappaAuthor Profile Page on March 31, 2009 6:09 PM

Assalamualaikum Tun,
Saya adalah salah seorang pemuja Tun yang sangat menyanjungi kerja-kerja Tun selama ini. Saya tidak dapat bayangkan jika Tun tiada, dan saya rasa separuh daripada rakyat Malaysia akan menangis dan berduka berhari-hari. You are the best and always the number one in my heart.
Berkenaan menantu kesayangan Pak Lah, Tun jangan segan-segan kritik sehingga dia lingkup atas dan bawah. Sekarang zaman Pak Lah tidak berkuasa dan kini zaman Tun yang berkuasa melalui suara-suara Tun yang dikagumi hampir semua ahli-ahli UMNO menyokong tindakan Tun. Insyaallah masa akan menunujukkan siapa yang benar Tun atau dia yang benar. Dan percayalah Tun yang menunujukkan jalan yang benar. JIka hantu tiada dalam UMNO insyaallah UMNO akan kembali lebih kuat daripada dulu dengan syarat hapuskan mereka-mereka yang gila kuasa dan wang.
Semoga UMNO juga harus mendengar suara-suara rakyat. Akhir sekali, salam kasih kepada keluarga Tun dan diharap Dato' Mukhriz akan mewarisi legasi Tun dahulu. INSYAALLAH. You always the best.
By matmelayaAuthor Profile Page on March 31, 2009 6:27 PM

Assalamualaikum Tun, mudahan berada dalam lindungan Allah,

Ramai yang tawar hati dengan pemilihan KJ. Sapa2 pun boleh buat tinjauan rambang terhadap pemilihan ini. Rata2 membantah... ntah2 yang pegi undi KJ pun pura2 bangkang pemilihan itu sbb nak ikut arus. Saya hanya layman dlm UMNO... takde pangkat takde apa. Tapi jgn lupa org macam sayalah yg paling banyak dlm UMNO... suara kami amat penting krn kami adalah akar umbi... UMNO perlu selesai isu KJ segera. Org benci paklah dulu pun banyak disebabkan oleh KJ.KJ adalah barah. KJ adalah virus yg mesti dihapuskan. KJ akan menyebabkan UMNO tersungkur. kalau tak caya tgk result pilihan raya kecil nanti. Moralnya mudah saja. Org benci manusia yang angkuh, yang sombong, yg gila kuasa, yang rasa diri bagus. Org benci KJ. Masyarakat dah bagi banyak signal kat UMNO... Adakah UMNO masih pekak dan buta??? Maaf Tun, sedikit emo
By elleAuthor Profile Page on March 31, 2009 6:46 PM

Tun,

Terharu sgt melihat Tun hadir di persidangan UMNO yang lepas. Kehadirian Tun sungguh bermakna buat orang- orang UMNO. Ramai mengalirkan air mata apabila melihat Tun hadir dan berdiri di pentas. Tak pernah terfikir kami akan melihat Tun di pentas semula... Terima kasih Tun.

****

Amat kecewa melihat KJ memang di pemilihan PEMUDA UMNO! Kejiiiiii!!! Segala mcm perasaan ada ketika itu... kecewa, marah, sedih, bingung... kadang terfikir, mengapa ler bodoh benar PEMUDA umno skrg ni... Kerana DUIT? bukan boleh buat kaya seumur hidup pun... tak berkat lagi adalah... mengkayakan dan mengukuhkan kuasa KJ lagi adalah...

ini ker PEMIMPIN GENERASI AKAN DATANG?.... tak sangupppp...
By pulidoAuthor Profile Page on March 31, 2009 7:40 PM

salamualaikum tun.saya dah lama jangkakan yg tun akan pasti kembali menyertai umno.saya adalah ahli umno peringkat akar umbi amat tertarik dengan cadangan supaya kesemua ahli umno yg berdaftar di beri peluang untuk mengundi presiden umno.apa komen tun dengan cadangan tersebut?
By pulidoAuthor Profile Page on March 31, 2009 7:52 PM

wahai sahabat2...marilah kita bersatu untuk menguatkan kembali kekuatan kita.tak payah nak kutuk2 apa yg tidak memuaskan hati kita.allah lebih mengetahui apa yg tersirat dan tersurat.apa yg penting kita bagi sokongan sepenuh hati.apa yg saya nampak perhimpunan umno kali ini telah menyedarkan semua pemimpin umno dan telah ada cahaya keinsafan dan kejujuran untuk berubah.cadangan saya semua ahli umno di beri peluang untuk mengundi presiden nya dan apasalahnya umno mengkaji cadangan hukum hudud kerana ianya hukum yang datangnya dari yg maha esa.

By LinaAuthor Profile Page on March 31, 2009 7:59 PM

Tun yang dikasihi

saya kira Mukhriz kalah bukan kerana perihal D Muhkriz, mungkin ini caranya the youngsters - especially the pemuda to indicate some bantahan to DS Najib. I am very sad about his loses, I like him.

Almost everybody have the same thinking about how KJ was elected, but nobody want to think that the pemuda is trying to reach out and telling the people, the Malaysians khususnya they want DS Najib not to do as he please and make a serious changes about the kehidupan rakyaat diluar sini.

It shows even in UMNO there are brave people - they brave everything just to do this. DS Najib sepatutnya ambil iktibar dari sini. The ultimate power is Allah & in this contact, sendiri mahu ingat.

I have to take your word about KJ being corrupt or the finding of the UMNO - it is wrong then for him to be allow to be bertanding, but is this soheh? There is nothing to dislike or to like in his case, especially from me - don't even know the person. I already support D Mukhriz. If this is the truth? the Pemuda has made a big mistake. Then again Tun people could change, against all odd I hope he will change. He is a bright person.

It was the same situation, diffrent issue my late father was telling/asking my late brother Abdul Aziz & some others about Tun, he was saying can we trust you when he & a group of people want to bring you back into UMNO My late father even wrote to the late Tun Razak about it. It was not my time back then, but another brother was relating the story to me. We should give people some times to change. You turn out to be the best Prime Minister for this country, sir! There is no doubt about that.

I am sorry, trully sorry, I do love you as a father & I respect you very much, if I could & be allowed I do want to look after both of you, not in material (I canot afford that) but to serve you in anyway I can - I have to say that about KJ & relating the story when you make a come back to UMNO & become the best ever PM for all of Malaysians.

I would like to believe there is a hidden message from the Pemuda to DS Najib - it is not at all about the corruption or money politics. How much money can KJ give,if it is true, he should be monitored closely. When there is no money with what he is going to survive his political career.

Saya berdoa akan kesejahteraan Tun berdua & keluarga dan maafkan saya kerana kerana menyebut soal history itu & about my late father. They passed away, but there are still some people who are still alive & know the story.

ps. I have nothing against DS Najib, just stating the odds
By shahimahAuthor Profile Page on March 31, 2009 8:22 PM

I guess this is what we will be teaching the young people that being corrupt is no hindrance to being on top. What a shame.
By nazlan70Author Profile Page on March 31, 2009 9:31 PM

Tun,

KENAPA TUN HADIRI PERHIMPUNAN AGOUNG UMNO

1. Kata pemerhati politik, bila ditanya " waktu bila kita tahu orang politik berbohong ? Jawabannya:: sewaktu mereka membuka mulut.

2. Tun merestui politik rasuah dan menyokong tindakan Lembaga displin melaksanakan hukuman walaupun tidak setimpal dan tidak adil.
3. Tun mudah lupa dan Tun dalam dilema.
4.Tun sudah tidak kisah dan tak usah bercakap dengan tentang rasuah sebab tun merestui perdana menteri yang menyokong menantunya mengamalkan rasuah.
5. Diri dan jiwa tun jijik dan tercemar kerana menghadiri majlis yang didukungi oleh perasuah.

Kepada Tun " Selamat merestui rasuah "
By wlAuthor Profile Page on March 31, 2009 10:25 PM

Dr M,
I read that you went to London to attend the Palestinian Conference.Certainly not surprised that you were interviewed by the BBC journalist.I kind of expected you to say all those things.So you had not side-tracked or changed your tune.
Anyway have a good break from Malaysian Politics.When on holiday don't think of Politics!!When you get back you will find out the outcome of the by-elections.
RT
By zaki_77Author Profile Page on April 1, 2009 12:25 AM

After reading a number of comments here regarding the return of Tun to UMNO and his possible role as an adviser to Najib-led government, I would like to add the following:

1. Tun gave the best years of his life to try and make the lives of his fellow countryment better.

2. He initated firm policies and changes that dramatically and positively transformed the economic and political landscape of the country.

3. He remains the best PM Malaysia has had.

4. He should consider his health first and foremost.

5. He should think carefully about how his return to UMNO can be used or abused to gain political points by those in power.

6. Will his advise really translate into tangible results that can uplift the party and government? Will he be fighting a battle on 2 fronts: 1) Against bad government decisions; 2) Against young blood and new generation of selfish leaders like KJ, who want nothing more than power and prestige which they do not deserve.

Some food for though.
By cendoiAuthor Profile Page on April 1, 2009 12:42 AM

Salam buat Tun yang amat disanjungi.

Saya sebagai rakyat Malaysia amat kecewa dengan dengan apa yang berlaku terhadap UMNO dewasa ini, benarlah ejaan Tan Sri P. Ramlee dalam filemnya yang mengatakan alif min nun wau adalah sarkas telah menjadi nyata terhadap apa yang berlaku ketika pemilihan baru - baru ini. Entah dimana letaknya jadi diri melayu dalam diri mereka hinggakan perasuah dijunjung. Terkilan dan terkejut dengan apa yang berlaku pada Dato' Mukhriz. Nampaknya UMNO berubah dari kurang baik kepada teruk.
By PakDekAuthor Profile Page on April 1, 2009 3:37 AM

Salam Tun,

Walau apa pun keputusan bagi saya Mukriz tetap menang berdasarkan pencalonan yang diterima. Sebenarnya yang kalah adalah perwakilan pemuda yang mengundi KJ itu sendiri kerana meletakkan moral mereka pada level yang paling rendah.

Walau bagaimana pun dalam kecewa dan sedih hati saya terubat apabila melihat kehadhiran Tun dihari terakhir perhimpunan agong umno kali ini dan kegembiraan saya berganda apabila diberitakan Tun akan kembali kepangkuan UMNO.
By Cikgu2u.comAuthor Profile Page on April 1, 2009 4:08 AM

Assalamualaikum TUN,

Semoga dalam keadaan sihat sejahtera.

Tun telah menunjukkan contoh teladan yang amat baik didalam menghadirkan diri ke perhimpunan agong umno yang lalu...

Sikap Tun yang lebih mengutamakan parti berbanding lain - lain hal amatlah tepat bagi seorang pejuang negara.

Saya salah seorang yang tersentak dengan kemengangan KJ walaupun didapati rahsuah....

UMNO boleh maju jaya dengan membuang anasir2 ini dan kembali ke landasan sebenar matlamat perjuangan parti.

Tun dilihat dapat memberi sedikit sebanyak didalam membetulkan keadaan ini.

Selaku golongan muda...saya melihat kepincangan UMNO hanya terletak pada KJ dan jika ia dapat diatasi maka pihak pembangkang akan abis idea dan ilang akal untuk menawan malaysia.

Reform yang seterusnya bergantung kepada tindakan memastikan kakitangan kerajaan bersikap adil dan amanah. Kakitangan kerajaan mewakili UMNO itu sendiri, korup kakitangan kerajaan,maka kami menganggap UMNO itu korup, baik kakitangan kerajaan, baiklah UMNO itu sendiri dan berjayalah agenda reform yang hendak dilaksanakan...

Permintaan golongan muda bukan payah....

1. Peluang pekerjaan.
2. Peluang menabur bakti didalam projek-projek kerajaan.
3. Mansuhkan SYABAS 4. Beri peluang untuk berkhidmat kepada negara.
5. Apa yang direncanakan untuk belia disalurkan kepada belia.

tk u TUN.
By kamal ahmadAuthor Profile Page on April 1, 2009 7:15 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

1. Selagi mana tidak ada percanggahan dengan undang-undang Negara/parti dan juga set moral umum masyarakat Malaysia yang telah tersedia pakai.

2. Selagi mana undang-undang Negara ataupun parti tidak dibelakangkan demi untuk sesuap nasi mana-mana pihak/individu.

3. Apabila jelas kelihatan bahawa telah dilaksanakan pembersihan di peringkat tertinggi JPM daripada pengaruh “Budak-budak tingkat 4”.

4. Apabila jelas kelihatan bahawa integriti MACC terpelihara dengan tiada unsur pilih kasih ataupun “tutup sebelah mata” dalam semua pendakwaan mereka keatas semua pesalah tidak kira rupa atau latar belakang.

Maka akan juga pulang keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

Sehingga ini terbukti sahih didepan mata dan persepsi, selagi itu jugalah pihak Kerajaan akan tetap hidup dalam penafian menongkah arus mengira hari.

Sementara menunggu segala proses pembaik-pulih dilaksanakan, adalah menjadi tanggungjawab setiap warganegara untuk memelihara perpaduan Negara dan juga bagi warga UMNO, perpaduan parti UMNO.

Perpaduan parti UMNO adalah tetap isu perpaduan, manakala sistem keadilan juga tetap merupakan isu sistem keadilan. Antara kedua-duanya, adalah perkara yang amat berbeza-beza dan tidak boleh terdapat sebarang unsur pertindihan/kontradiksi sesamanya.

Perpaduan, adalah perpaduan. Keadilan adalah keadilan. Jangan pula ada percanggahan sesama mereka. Sebab jika ini berlaku, jelas bermakna bahawa rakyat dan Negara telah tertipu. Dan ini juga akan mengundang malapetaka pada mana-mana Kerajaan jua pun.

Dan kami teramat yakin bahawa Tun juga sedang menantikan semua ini dilaksanakan - sepertimana permintaan Tun, supaya UMNO kembali bersih, amanah dan cekap. Kami tetap berdiri bersama Tun.
By K-PAuthor Profile Page on April 1, 2009 8:09 AM

Tun,

Since UMNO Assembly is over and no point to talk about it, as we all can see UMNO is corrupted. Is time for Tun to set-up a new party to lead our nation to be chaired by Datuk Mukhriz as I am sure other party will join and support Tun.
By gadafi905Author Profile Page on April 1, 2009 8:41 AM

Salam tun,

Boleh tak komen sikit pasal 'KENAPA SAYA HADIR'.

Tq.
By suhainaAuthor Profile Page on April 1, 2009 10:38 AM

assalammualaikum Tun...semoga Tun sekeluarga sihat sejahtera..

saya amat terkilan bila pengumuman ketua pemuda di umumkan...

sedih sangat bila pemilihan tersebut berpihak pada KJ..

dia telah diberi amaran atas sebab2 kesalahan merasuah..

tapi kenapa sekadar amaran??dah nama pun rasuah..mestilah pesalah...

tak payah lah nak amaran2 lagi..

apalah nak jadi dengan undang2 negara ni..

dah bersalah tetaplah bersalah...ada pula yang memilih KJ sebagai ketua pemuda..siap dijulang2..rasa macam nak muntah..

tapi rasa bangga pula bila Tan Sri Muhyiddin Yassin diumumkan sebagai timbalan presiden UMNO...
By pianpjbAuthor Profile Page on April 1, 2009 11:53 AM

salam tun & bloggers,

1. kemenangan KJ membuktikan perwakilan pemuda amat tidak memahami dan menghormati hasrat akar umbi.

2. kemenangan KJ adalah penghinaan kepada akar umbi.
*(lihat saja jumlah pencalonan, jelas membuktikan siapa yang akar umbi mahukan)

3. jika KJ ada dalam saf kepimpinan Najib, maka rosaklah arus perubahan yang ingin dilaksanakan oleh UMNO.

4. alangkah malangnya nasib UMNO terpaksa menanggung beban yang tak seharusnya ditanggung.

kepada najib : tanya, dengar dan fikir2 kan!!!

saya dan kawan2 amat kecewa pada pemuda dan kami akan terjemahkan kekecewaan ini pada PRU13.

INI JANJI KAMI!!!!
By ariffAuthor Profile Page on April 1, 2009 12:20 PM

Salam buat Tun sekeluarga,

Terkilan rasanya dgn keputusan pemilihan Pemuda Umno. Tetapi seperti kata Datuk Seri Najib "Yang Menang tak menang semua, Yang kalah tak kalah semua".
Tun jangan risau selagi kita yakin akan kuasa NYA kebenaran pasti menjelma. sekurang kurangnya kemenangan mereka dalam pemilihan baru-baru ini menunjukkan demokrasi wujud kerana Datuk Mukhriz tetap mendapat 232 undi. Tahniah!
Sebagai rakyat kami tahu dan nampak kepincangan dalam UMNO.
By MII66Author Profile Page on April 1, 2009 12:24 PM

